



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 MEI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TUNTUTAN SUBSIDI AYAM: JANGAN SALAHKAN MAFI SAHAJA -TIMBALAN MENTERI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI KEMUKA LANGKAH INTERVENSI ISU SEKURITI MAKANAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -4	
3.	KEMANA DISALUR BANTUAN, INSENTIF MAFI?, RENCANA, UM -16	
4.	DURIAN PULAU PINANG DIJANGKA BERKURANG, NEGARA, KOSMO -5	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	20 KUCING MATI BUKAN SEBAB KHIANAT, NEGERI TERENGGANU, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	SIASAT DAGING AUSTRALIA, MUKA DEPAN, UM -1 & 3	LAIN-LAIN
7.	JAKIM PERLU FIKIR LUAR KOTAK, DALAM NEGERI, UM -2	
8.	HENTI EKSPORT AYAM BUKAN LANGKAH POPULIS, DALAM NEGERI, UM -4	
9.	JUALAN KELUARGA MALAYSIA CECAH RM54j, NEGARA, KOSMO -5	
10.	M'SIA LARANG EKSPORT AYAM: APA PERLU ANDA TAHU, BERITA MEDIA CORP - ONLINE	
11.	EKSPORT AYAM AKAN DIKAJI SEBAIK BEKALAN STABIL, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
12.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	
13.	SIASAT PUNCA HASIL PADI KURANG - MB, UTARA, HAKAKAH -16	
14.	KERAJAAN DISARAN LEPASKAN KAWALAN HARGA AYAM, PERIKATAN NASIONAL, HAKAKAH -H15	
15.	INFLASI MAKANAN MENINGKAT KEPADA 4.1 PERATUS, CETUSAN, SH -17	
16.	BEKALAN TEPUNG GANDUM MASIH SUKAR DIPEROLEH, CETUSAN, SH -17	
17.	MALAYSIA SEDIA BEKERJASAMA PASTIKAN PERTANIAN TERUS BERKEMBANG - ZURAIDA, NASIONAL, SH -18	
18.	KERAJAAN KELANTAN SEDIA TANAM JAGUNG BIJIAN, NASIONAL, SH -18	
19.	P.PINANG KENAL PASTI BEBERAPA KAWASAN UNTUK TANAMAN BIJIRIN, NASIONAL, SH -18	
20.	BAGAIMANA TERENGGANU KUKUHKAN 'FOOD SECURITY' TEMPATAN, NASIONAL, HAKAKAH -30	
21.	PRO DAN KONTRA HENTI EKSPORT AYAM, SUARA SINAR, SH -16	
22.	TANGKAP IKAN KECIL PUNCA STOK IKAN NEGARA MAKIN KURANG, MUKA DEPAN, SH -1	
23.	JAMAL AKAN TERUSKAN MISI JUAL IKAN HARGA MURAH, IKAN NAIK HARGA, SH -4	
24.	TANGKAP IKAN KECIL PUNCA STOK IKAN BERKURANGAN, IKAN NAIK HARGA, SH -4	
25.	KOS OPERASI TINGGI PUNCA NELAYAN BOT BESAR TIDAK TURUN KE LAUT, IKAN NAIK HARGA, SH -4	
26.	PENTERNAK AYAM KAMPUNG TIDAK MENANG TANGAN, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -6	
27.	GERAKAN GESA KERAJAAN AMBIL PENDEKATAN TAMBAHAN, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -6	
28.	RUMAH TERNAKAN TERTUTUP MAMPU TINGKATKAN BEKALAN AYAM, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -6	
29.	KINI RM10.70, ESOK UBAH LAGI, LOKAL, HM -2	
30.	IKAN PATIN, TILAPIA GANTI SUMBER PROTEIN, LOKAL, HM -2	
31.	BOLEH ASAL IKUT PEMATUHAN HALAL, LOKAL, HM -3	
32.	TIADA IMPAK KETARA KEPADA INDUSTRI, LOKAL, HM -3	
33.	CADANG PERLUAS LADANG AYAM TERTUTUP, LOKAL, HM -3	
34.	MANA AYAM?, MUKA DEPAN, HAKAKAH -1	
35.	BANTERAS KARTEL AYAM HINGGA AKAR UMBI, NASIONAL, HAKAKAH -H2	
36.	AYAM SEGAR NAIK HARGA, RM13 SEKILO, NASIONAL, HAKAKAH -H3	
37.	CADANG KERAJAAN WUJUDKAN STOK PENIMBAL KAWAL HARGA, NASIONAL, HAKAKAH -H3	
38.	HARGA DEDAK TINGGI PUNCA AYAM MAHAL, NASIONAL, HAKAKAH -H3	
39.	BOIKOT: KERIS TAMING SARI PENGGUNA KINI DI TANGAN PENGELUAR, NASIONAL, HAKAKAH -H4	
40.	INFLASI MAKANAN NAIK 4.1 PERATUS, NASIONAL, BH -2	
41.	PATIN, TILAPIA JADI PILIHAN PENGGUNA, NASIONAL, BH -3	
42.	NELAYAN JANGKA KENAIKAN HARGA IKAN TAK LAMA, NASIONAL, BH -3	

43.	BOLEH BAWA MASUK PRODUK AYAM BRAZIL JIKA PENUHI SYARAT, NASIONAL, BH -3	
44.	JUALAN KELUARGA MALAYSIA CATAT RM54.54j, NASIONAL, BH -4	
45.	PENIAGA TUTUP KEDAI AWAL AKIBAT KETIADAAN STOK, NASIONAL, BH -4	
46.	NEKMAT GUNA STOK IKAN SEJUK TAMPUNG KEPERLUAN, NASIONAL, BH -4	
47.	PISANG TANDUK REZEKI BAHARU JURUTERA MUDA, DALAM NEGERI, UM -12	
48.	STOK MAKANAN NEGARA MASIH BELUM CUKUP, NEGARA, KOSMO -10	
49.	SIAPA PEMAIN UTAMA SEKURITI MAKANAN?, RENCANA, UM -14	
50.	KENAIKAN HARGA SIAKAP HINGGA RM6, NEGARA, KOSMO -16	
51.	CAJ POTONG AYAM NAIK JADI RM1.50, NEGARA, KOSMO -16	
52.	MELAKA ALLOCATES RM2.2m FOR URBAN FARMING, NEWS, NST -10	
53.	CHICKEN SUPPLY BACK TO NORMAL IN NEGRI, NATION, THE STAR -4	
54.	REMOVAL APs FOR FOOD IMPORTS THE BEST WAY, SAYS THINK TANK, BUSINESS, NST -15	
55.	FOOD SECURITY SHOULD BE NATION'S TOP PRIORITY, NEWS, NST -12	
56.	REDUCE CONSUMPTION OF CHICKEN, PUBLIC URGED, NEWS, THE SUN -4	
57.	CHICKEN SELLERS CLOSING EARLY DUE TO LOW STOCKS, NATION, NST -5	
58.	FES TO BOOST SEPANG AND DRAGON FRUIT, NATION, NST -9	
59.	FOOD IN SECURITY, MUKA DEPAN, NST -1	
60.	RURAL FOLK FEELING THE PINCH, TOO, NEWS, NST -2	
61.	FOOD CRISIS CAUSED BY POLICY FAILURE, NEWS, NST -3	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Tuntutan subsidi ayam: Jangan salahkan MAFI sahaja – Timbalan Menteri



Ahmad Hamzah (tengah) sidang akhbar selepas menghadiri Rumah Terbuka Pertubuhan Peladang Kebangsaan di Petaling Jaya, Selangor.

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak mahu dipersalahkan dalam kelewatan pembayaran subsidi ayam kepada penternak.

Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ada dalam kalangan penternak yang gagal untuk membuat tuntutan pembayaran subsidi yang telah diumumkan sejak 9 Februari lalu.

“Kita harap penternak dapat mempercepatkan tuntutan subsidi. Jangan salahkan MAFI sahaja.

“Bahkan ada penternak sebenarnya sampai sekarang tak buat tuntutan sebab itu lambat,” katanya.

Tambah beliau, proses pembayaran juga mengambil masa kerana ada syarat yang perlu dipatuhi.

ADVERTISEMENT

Katanya, semua tuntutan hendaklah diserahkan bersama dokumen sokongan iaitu invois, pesanan penghantaran dan baucar.

“Kita bukan boleh bayar sebarangan. Ini duit kerajaan. Apabila MAFI diberikan tanggungjawab, kita laksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan amanah,” tegasnya.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Ahli Parlimen DAP itu hari ini mempersoalkan hanya RM50 juta daripada pemberian subsidi yang ditetapkan untuk harga siling ayam berjumlah RM730 juta sudah dibayar kepada penternak-penternak.

Steven turut mendakwa, kenyataan kementerian bahawa bekalan ayam di negara ini meruncing merupakan satu pengakuan kegagalannya menguruskan isu industri ayam.

Ahmad menegaskan, ahli politik pembangkang boleh membuat apa sahaja andaian dan persepsi namun hakikatnya isu bekalan ayam di negara ini dipengaruhi oleh tiga faktor utama.

“Kekangan yang pertama melibatkan kenaikan kos makanan haiwan yang mendadak. Yang kedua kerana perubahan cuaca yang ekstrim dan ketiga kerana masalah pekerja.

“Ini yang dihadapi oleh penternak dalam bidang ini. Pada ketika ini memang kita akui ada masalah disebabkan tiga faktor itu dan memang ada kekurangan pengeluaran. Jadi janganlah buat apa-apa andaian,” tegas Ahmad.

Ahmad ditemui selepas menghadiri Rumah Terbuka Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zamri Yaakob.

Pada 9 Februari lalu, Kabinet bersetuju memberi subsidi harga ayam dan telur ayam kepada penternak sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia.

Penternak akan menerima subsidi 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat serta 5 sen bagi sebiji telur ayam tanpa mengira kategori. Subsidi tersebut diberikan selama empat bulan hingga 4 Jun depan.

Mengenai kewujudan kartel ayam, Ahmad menyerahkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk membuat siasatan.

“Kalau ada kartel kita pulangkan kepada MyCC untuk buat siasatan. Kalau ada kartel.

“Bagi kita, kita akan sentiasa membuat sesi libat urus dengan penternak supaya kita dapat maklumat terakhir kalau mereka ada masalah yang dihadapi,” katanya.-MalaysiaGazette

MAFI kemuka langkah intervensi isu sekuriti makanan negara

PUTRAJAYA – Sebahagian cadangan termasuk langkah-langkah jangka masa sederhana dan panjang bagi memperkukuhkan sekuriti makanan negara akan dibawa untuk pertimbangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara pada 30 Mei ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkata, cadangan tersebut dibincangkan dalam mesyuarat khas Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee secara hibrid kelimarin.

"MAFI akan mengambil tindakan susulan berkaitan segala cadangan dan pandangan yang telah diberikan dalam mesyuarat ini.

"Selain itu, MAFI akan terus mengadakan perbincangan dan libat urus terbuka dengan semua pihak berkepentingan dalam usaha menghadapi cabaran-cabaran semasa yang mengancam sekuriti makanan negara.

"Ia sekali gus memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, mesyuarat yang diadakan semalam antara lain untuk mendapat-

kan pandangan dan cadangan berkaitan isu-isu semasa berkaitan sekuriti makanan negara.

Katanya, langkah-langkah intervensi jangka sederhana dan panjang juga telah dibincangkan bagi merangka hala tuju sektor pertanian dan industri makanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh dan holistik.

"MPPN bertindak sebagai penasihat kepada Menteri MAFI dalam mengenal pasti isu-isu khususnya berkaitan sekuriti makanan negara dan menyumbang pandangan serta cadangan yang sesuai bagi memacu hala tuju sektor agromakanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa.

Keahlian MPPN bagi sesi 2021/2022 terdiri daripada 15 ahli yang merangkumi pemain industri, pakar ekonomi, ahli akademik dan mereka yang mempunyai kepakaran dalam sektor agromakanan," jelasnya.

Mengulas lanjut, katanya, ahli-ahli MPPN mengambil maklum langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan baru-baru ini untuk menangani isu sekuriti makanan termasuk pemberian subsidi kepada pen-ternak ayam, pemansuhan permit import (AP) untuk produk agromakanan, pemberhentian eksport ayam dan pelbagai langkah lain.

**GHULAM
SARVER
MOBARAK ALI**



MALAYSIA gagal mencapai tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran makanan setelah hampir 65 tahun mencapai kemerdekaan. Di manakah silapnya?

Dengan keluasan 330,000 kilometer (km) persegi tanah subur dan iklim yang kondusif untuk tanaman makanan serta ternakan, Malaysia ketinggalan jauh daripada kebanyakan negara ASEAN lain.

Malaysia turut mempunyai 4,675 km pantai yang dicemburui nelayan Thailand dan Vietnam. Nelayan kedua-dua negara itulah yang sering dikesan menceroboh kerana ikan memang banyak di perairan negara. Namun, harga ikan dan lain-lain hasil laut sangat mahal untuk dinikmati oleh rakyat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperoleh peruntukan tahunan tinggi setiap tahun bagi memastikan rakyat menikmati sumber makanan berkhasiat dan mudah diperolehi dengan harga patut. Peruntukan bagi 2022 yang diterima MAFI ialah RM4.82 bilion untuk menggerakkan 13 agensi di bawahnya berfungsi dengan cekap dalam memastikan sekuriti makanan negara terpelihara.

Persoalannya, adakah bantuan dan insentif MAFI sampai kepada pengeluar makanan atau tecicir di mana-mana? Adakah MAFI serius dan proaktif memperbetulkan keadaan ketidakcukupan makanan dalam negara sehingga nilai import kini mencecah lebih RM56 bilion?

Setiap tahun MAFI menganjurkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan bagi meraikan jasa serta pengorbanan mereka yang terlibat dalam pengeluaran makanan. MAFI menganggap golongan ini sebagai wira yang berkorban membekalkan makanan. Namun, adakah mereka dilindungi daripada unsur-unsur 'Napoleon Kecil' dan kerana birokrasi yang membantutkan usaha ke arah negara memperkasa pertanian?

Ke mana disalur bantuan, insentif MAFI?



PERAIRAN kita kaya dengan ikan dan hasil laut labi, namun harganya sangat mahal untuk dinikmati oleh rakyat. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

“MAFI memerlukan pegawai-pegawai perisik yang melaporan perkara-perkara di lapangan mengenai pengeluaran makanan.”

Bagi mengatasi masalah pengeluaran makanan dan menolong golongan pengusaha dan pengeluar makanan, MAFI tidak boleh lagi melengah-lengahkan keperluan mengenal pasti dan bertindak mengatasi masalah dengan mengadakan mesyuarat demi mesyuarat, merangka dasar-dasar pertanian yang kaku.

Beberapa saranan praktikal bagi mengupayakan sara diri pengeluaran makanan perlu dilakukan MAFI. Pertama, MAFI perlu meneliti secara jujur ucapan panjang yang disampaikan oleh bekas menteri, Datuk Seri Salahuddin Ayub semasa perhimpunan tahunan pada 6 Januari 2020 di Putrajaya.

Ucapan ikhlas berterus terang menyuarakan MAFI masih beroperasi secara biasa, tidak peka dengan keadaan semasa.

Salahuddin berkata, pihaknya akan 'memusnahkan' kerana birokrasi terutama membabitkan isu pemberian insentif, subsidi, perolehan, khidmat nasihat serta tempoh menunggu yang dilihat tidak relevan.

Disebabkan kerana birokrasi itu, terdapat banyak bantuan diberikan kerajaan dan permohonan masyarakat tidak dapat dilaksanakan.

PADANG RAGUT

Beliau hairan bagaimana negara kecil seperti Taiwan dan Belanda berjaya mengeksport barang pertanian hampir ke seluruh dunia. Malaysia, katanya mempunyai institusi pertanian seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), 600 saintis, tokoh dan pemikir yang mampu melahirkan banyak idea besar untuk mengubah landskap pertanian negara.

MAFI tidak rugi membuat pembetulan dalam. Penafian atau mempertahankan tindakan pegawai yang melambat-

lambatkan urusan pelanggan kementerian itu akan mengheret negara dalam krisis makanan yang lebih teruk lagi. Penjawat awam tertakluk kepada perintah am yang menuntut mereka mematuhi aku janji perkhidmatan awam - memberikan perkhidmatan terbaik, cekap dan adil.

Kedua, meneliti Kisah Padang Ragut Bidor (PRB), Perak (1995-2022).

Mengapa Kisah PRB ini penting? Kisah PRB menyimpan rahsia besar punca negara gagal dalam penternakan lembu berdasarkan pengalaman seorang penternak, Manaver M. Ali. Dokumen mengenai kisah duka lara ini sedia untuk dikongsikan supaya MAFI tidak mengulangi kesilapan sama pada masa akan datang.

Kisah PRB telah dibentangkan dalam mesyuarat pada 10 Jun 2008 di Putrajaya oleh Manaver. MAFI membuat keputusan penyelesaian untuk membantunya. Namun, unsur 'Napoleon Kecil' dan birokrasi melampau menafikan keputusan ketua perkhidmatan MAFI.

Ketiga, MAFI hendaklah memastikan semua pejabatnya di daerah seperti Jabatan Perkhidmatan

Veterinar (JPV), pertanian, perikanan dan sebagainya dibarisi oleh pegawai-pegawai berprestasi tinggi. Merekalah pelaksana dasar dan pelan tindakan kedaulatan makanan. Kebolehan dan kecekapan pegawai perlu diaudit secara terperinci, sejauh manakah mereka membangunkan golongan peladang, penternak dan nelayan? Pegawai yang memberikan alasan berulang menunjukkan mereka tidak kreatif dan inovatif. Pegawai perlu dibantu dengan pendedahan kaedah-kaedah penyelesaian masalah, pemikiran kreatif dan *design thinking*.

Keempat, kecukupan makanan merupakan aspek keselamatan sebab jika dalam masa tiga hari sahaja berlaku kekurangan makanan, negara boleh berada dalam keadaan huru-hara. Sama seperti pasukan polis dan angkatan tentera, MAFI memerlukan pegawai-pegawai perisik yang melaporan perkara-perkara di lapangan mengenai pengeluaran makanan. Contohnya, laporan risikan mengenai kemajuan padang ragut selian JPV di negeri-negeri.

Selain itu, pegawai perisik dapat membantu MAFI mengenai kegiatan kartel serta agihan bantuan kerajaan kepada golongan sasar secara adil dan telus.

Kelima, mendekati dan mendengar pandangan pengeluar makanan. Anggaph mereka sebagai sahabat yang memiliki pengetahuan dan pengalaman yang dapat digunakan membantu negara meningkatkan hasil pertanian.

Sekuriti makanan bukan sahaja menjadi tanggungjawab MAFI tetapi semua pihak harus memberikan pandangan dan bersama-sama membantu menghalang unsur-unsur yang mengugut kestabilan makanan negara.

PENULIS ialah peladang Beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah dan penyarah konvensyen penulis kajian kes di institusi awam.

26/5/2022

UTUSAN

MUKA DEPAN

1

MALAYSIA

Kerajaan digesa gantung sementara import dari rumah sembelihan negara itu

Siasat daging Australia

Oleh AHMAD**FADHLULLAH ADNAN**

fadhlullah.adnan@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa menggantung import daging dari semua rumah sembelihan di Australia susulan tiga lagi dikesan melanggar protokol halal.

Penggantungan itu bagi membolehkan satu siasatan menyeluruh dilakukan demi kepentingan

umat Islam di negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Nor berkata, penggantung sementara kemasukan daging-daging dari semua rumah sembelihan di negara itu perlu dilakukan sehingga kerajaan selesai menyasat kesang-sian status halal dan pelanggaran protokol sembelihan di semua

premis terlibat.

Menurut beliau, dakwaan tiga lagi rumah sembelihan di negara itu yang turut melanggar protokol halal selepas pendedahan membabitkan Thomas Foods International (TFI) mencetuskan kebimbangan dan keraguan dalam kalangan umat Islam di Malaysia berhubung status halal daging yang dibekalkan oleh rumah sembelihan di negara

Kangaroo itu.

"Kita minta Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (Jakim) gantung semua tempat penyembelihan di Australia sebab sudah ada unsur-unsur langgar protokol halal.

"Elok gantung semua sebab ini sudah melibatkan hukum, jika pusat yang didedahkan hari ini (semalam), TFI (yang diakui) langgar protokol halal, maka

ada keraguan daging (dari sana) 100 peratus tak halal.

"Jadi kita tidak perlu mempertahankan integriti rumah sembelihan yang lain dan kalau boleh Jakim perlu buat satu kenyataan menggantung semua pusat sembelihan yang ada di Australia," katanya ketika dihubungi semalam.

Bersambung di muka 2

26/5/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

2

Minda
Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID



Jakim perlu fikir luar kotak

ISU rumah sembelihan di Australia yang melanggar protokol halal sekali lagi timbul dan yang terbaharu membabitkan entiti lain pula.

Sudah tentu perkara itu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan umat Islam di negara ini kerana ia melibatkan makanan halal yang menjadi tuntutan agama.

Selama ini ramai yang percaya daging sama ada kambing atau lembu dari Australia semuanya halal kerana kononnya disembelih mengikut protokol dan mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Namun apabila akhbar ini melaporkan, tiga lagi rumah sembelihan di Queensland dikesan melanggar protokol halal sembelihan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SI-CHMA).

Penemuan itu disahkan oleh seorang wakil organisasi halal antarabangsa di Filipina yang mahu dikenali sebagai Amin semasa membuat pemeriksaan mengejut di ketiga-tiga rumah sembelihan tersebut.

Sebelum ini membabitkan sebuah rumah sembelihan, TFI Lobethal sehingga kerajaan menggantung sementara pengimportan daging dari rumah tersebut sementara menunggu siasatan selesai.

Isu pelanggaran protokol di empat rumah sembelihan itu semuanya ditimbulkan oleh bekas pekerja di premis berkenaan. Tanpa mereka, bermakna penduduk Islam di negara ini terus menikmati daging dari Australia tanpa diketahui halal haramnya.

Walaupun Jakim ada wakil yang dilantik bagi tujuan pemeriksaan halal di pejabat kedutaan negara di Australia, nampaknya mereka juga terlepas pandang isu berkenaan.

Betul, wakil Jakim tidak boleh masuk begitu sahaja ke rumah sembelihan berkenaan. Tetapi jika pemeriksaan atau audit dibuat dengan membuat temujanji dahulu bermakna segala yang baik akan ditunjukkan oleh pengendali rumah sembelihan berkenaan.

Tidakkah ada cara lain untuk wakil Jakim mendapatkan maklumat apa yang berlaku di dalam rumah berkenaan? Apakah mereka menerima begitu sahaja maklumat yang disampaikan oleh rumah sembelihan bukan Islam itu?

Kalau Amin, rakyat Filipina boleh membuat pemeriksaan mengejut, kenapa wakil Jakim tidak boleh berbuat demikian? Sudah pasti ada cara tertentu untuk Jakim melakukan tugas-tugas risikan itu.

Dalam keadaan tiada kepastian tentang halal itu, adalah benarnya juga desakan Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Nor agar kerajaan menggantung sementara import daripada semua rumah sembelihan haiwan di Australia sehinggalah siasatan berkenaan diselesaikan.

Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Siasat daging Australia

Dari muka 1

Semalam, akhbar ini melaporkan, tiga lagi rumah sembelihan di Queensland dikesan melanggar protokol halal sembelihan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SI-CHMA).

Penemuan itu disahkan oleh seorang wakil organisasi halal antarabangsa di Filipina yang mahu dikenali sebagai Amin semasa membuat pemeriksaan mengejut di ketiga-tiga rumah sembelihan tersebut.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan pengantungan sementara pengimportan diberikan kepada TFI Lobethal, Australia sehingga satu hasil siasatan menyeluruh diperoleh berhubung dakwaan pelanggaran prosedur penyembelihan halal pusat penyembelihan itu.

Mengulas lanjut, Faizan berkata, isu berkaitan pematuhan halal rumah sembelihan di negara bukan Islam perlu diam-bil serius bagi terus mengelakkan keraguan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Katanya, perkara itu tidak boleh terus dibiarkan berlarutan dengan lama kerana jika berlaku begitu ia memperlihatkan umat Islam seperti terus dipermainkan.

"Australia bukan sebuah ne-

Rumah sembelih di Australia bakal 45% daging ke Malaysia tidak ikut syariat Islam

Status halal meragukan



Sementara siasatan dijalankan terhadap rumah sembelihan TFI di Australia

Gantung import daging

UTUSAN Malaysia
14 Mei 2022

gara Islam, pematuhan tak ada dan pusat (TFI) jelas melanggar protokol halal. Jadi semua dah jelas dan sudah dibongkarkan sejak 14 April lagi.

"Walaupun saya tak dapat bawa isu integriti pegawai Jakim, tetapi isu langgar protokol halal sudah terbukti.

"Saya sebagai umat Islam perlu lakukan sesuatu jadi sementara siasatan dijalankan, kita gantung semua pusat sembelihan di sana. Kalau kita masih lagi tutup sebelah mata, saya tak tahu apa yang berlaku akan datang," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, satu sistem secara

menyeluruh perlu diwujudkan bagi membolehkan agensi yang bertanggungjawab memantau rumah sembelihan di luar negara berkaitan pematuhan halal.

Katanya, pengantungan sementara sahaja tidak cukup untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana isu yang sama boleh berlaku di tempat mahupun rumah sembelihan lain.

"Sistem menyeluruh perlu merangkumi sistem semakan, sistem pemantauan dan sistem untuk ambil tahu kerja mereka.

"Benda ini tak akan selesai, gantung tu selesai masalah ke? (gantung) satu tempat, tetapi tempat lain?" soal Nadzim.

Henti eksport ayam bukan langkah populis

Oleh **FAHMI FAIZ**
utusannews@mediamulla.com.my

PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilihat mengambil keputusan tepat menghentikan sementara eksport ternakan itu ke negara lain.

Ini supaya bilangan ayam di pasaran kembali stabil, sekaligus memelihara kepentingan rakyat Keluarga Malaysia.

Langkah ini bukanlah langkah populis, sebab jika diteliti cuma beberapa negara sahaja yang bertindak sedemikian. Misalnya India menghentikan sementara eksport gandum, Indonesia berbuat yang serupa terhadap minyak sawit, sementara Serbia dan Kazakhstan melakkan kuota tertentu bagi eksport gandum masing-masing.

Perkara paling penting yang perlu diteliti ialah soal konflik Russia-Ukraine, yang ternyata

ANALISIS BERITA

menjejaskan rantaian bekalan produk makanan penting dunia. Maka, semestinya semua negara seluruh dunia kini sedang berkira-kira bagaimana mahu menyelamatkan rakyat masing-masing daripada keputusan bekalan makanan ruji.

Dalam konteks Malaysia, ayam sumber protein utama rakyat. Tanpa mengira latar belakang, ia merupakan protein termurah yang mampu dijamah setiap hari, selain yang berasas soya seperti tempe dan tahu. Soalnya, bagaimana semua ini terjadi? Jawabnya ialah sikap syarikat gergasi ayam negara ini yang gemar 'bermain dengan api', atau orang putih cakap 'test the water'.

Bayangkan, selama negara ini merdeka sehingga sekarang, industri ayam langsung tidak dikawal selia secara berintegrasi, malah tiada sebarang lembaga khusus. Apabila tiada lembaga mengawalinya, maka mulalah menyusup oligarki (baca: kumpulan kecil yang berkuasa) yang ada modal untuk mengisi kelompondangan industri.

Kewujudan beberapa gergasi industri yang selama ini menguasai ketiga-tiga proses utama rantaian - iaitu hiran, pertengahan dan huluan - mencetuskan persoalan, apakah nasib industri ayam itu dikawal pihak swasta dan bukannya kerajaan? Maka bermula dari situ, timbulnya teka-teka bahawa mungkin wujud aktiviti kartel dan konspirasi sesama mereka.

Perkara ini bukanlah pelik, dulu di Singapura pun pernah berlaku kes kartel ayam berkonspirasi dalam bilik-bilik perte-

muan sulit di Defu Lane sambil membuat pakatan secara lisan supaya tidak meninggalkan jejak kertas (*paper trail*). Bukannya, boleh rujuk laporan *The Straits Time* berjudul 'Secretive chicken cartel brought down by whistleblower'.

Berbalik kepada tindakan kartel, keadaan jadi lebih buruk apabila baru-baru ini akhbar ini mendedahkan ada konspirasi gergasi industri ayam yang menyekat pasaran ayam atas alasan 'tumbesaran lambat'. Maka semakin huru-hara negara ini dibuatnya. Itu mendorong rakyat menilai, gergasi-gergasi ini mula menguji kesabaran rakyat.

Akhirnya, api itu membara diri. Siapa sangka, kerajaan bertindak balas dan mengumumkan beberapa langkah, termasuk sekatan eksport. Bukanlah dalam teori relativiti, "for every action, there is an equal opposite reaction"?

26/5/2022

KOSMO

NEGARA

5

Dapat sambutan 2.8 juta pengunjung di 1,702 lokasi

Jualan Keluarga Malaysia cecah RM54j

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) merekodkan jumlah jualan mencecah RM54.5 juta dengan seramai 2.8 juta pengunjung dicatatkan sejak Jumaat lalu.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, PKJM yang dilaksanakan di semua 223 Parlimen di seluruh negara itu meliputi 1,702 lokasi dengan purata tujuh lokasi di setiap kawasan.

"Perancangan awal pelaksanaan PKJM adalah hanya sehingga 31 Mac sahaja. Bagaimanapun, atas permintaan ramai, Perdana Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan PKJM dilanjutkan sehingga Jun depan.

"PKJM yang merupakan salah satu usaha kerajaan dalam membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah Alexander, sepanjang pelaksanaan PKJM, pelbagai barangan keperluan harian dijual dengan harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat antaranya ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran.



ORANG ramai membeli barangan keperluan semasa PKJM di Perumahan PAKR Batu Hampar, Kuala Nerus pada Februari lalu.

Jelasnya, secara keseluruhan, seramai 240 rakan strategik terlibat dalam menjayakan PKJM yang terdiri daripada pemain industri peruncitan iaitu pasar raya besar, pasar raya, pembekal serta pemborong.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDNHEP ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar sentiasa beretika mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan. "Kerajaan turut menyeru agar rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar ini yang turut melanda dunia dan memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan global dan negara," tambahnya.



MOHD. MUHAMMIN (laman) merujuk kepada durian yang dihidangkan kepada tetamu pada Jamuan Akademi Hari Bertemu Pelanggan di Bukit Mertajam semalam.

Durian Pulau Pinang dijangka berkurang

SEBERANG PERAI – Jabatan Pertanian negeri menjangkakan hasil durian di Pulau Pinang pada tahun ini akan berkurang iaitu antara 20 hingga 30 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pengarahnya, Mohd. Muhammin Ibrahim berkata, jangkaan itu dibuat selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk kenaikan harga baja dan racun yang mencecah hingga 70 peratus ketika ini.

Jelasnya, faktor cuaca seperti hujan lebat juga menyumbang kerana berlaku ketika durian sedang mula berbunga atau berputik.

"Disebabkan itu juga, tidak banyak bunga durian kekal berputik kerana sebahagian daripadanya telah gugur akibat hujan dan sebagainya," katanya.

Beliau ditemui selepas Majlis

Penyerahan Insentif Teknologi Pertanian serta Jamuan Akademi Hari Bertemu Pelanggan di Pejabat Pertanian Negeri, Jalan Kulim, Bukit Mertajam, di sini semalam.

Beliau juga tidak menafikan akan berlaku kenaikan harga khususnya bagi sesetengah jenis durian disebabkan pengeluran 'raja buah' itu yang berkurang. "Namun, kenaikan harga itu disifatkan fleksibel kerana ia bergantung kepada pengusaha durian itu sendiri," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, ada sesetengah pengusaha durian terutamanya di bahagian pulau dikatakan telah menerima tempahan lebih awal iaitu sebelum buahnya gugur.

"Namun, tempahan ini juga lebih kepada buah durian jenis premium seperti durian duri hitam dan sebagainya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2022	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	26

20 kucing mati bukan sebab khianat

KUALA TERENGGANU

- Kematian 20 ekor kucing yang ditemui bergelimpangan di sekitar Pantai Bukit Keluang di Besut pada awal Mac lalu bukan berpunca daripada perbuatan khianat sebaliknya disebabkan penyakit *parvovirus*.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man berkata, keputusan hasil ujian makmal terhadap sampel bangkai kucing yang mati itu mendapati tiada sebarang racun ditemui pada haiwan berkenaan.

"Kita telah menghantar sampel bangkai kucing ke makmal Jabatan Kimia untuk mengesan racun yang disyaki digunakan pada haiwan ini dan JPV sekiranya ada penyakit bagi mengesahkan punca kematian semua kucing berkenaan.

"Namun keputusan ujian terhadap beberapa senarai racun tiada yang positif manakala ujian penyakit pula mendapati wujud kesan jangkitan *parvovirus*," katanya kepada pemberita pada Rabu.

Menurut Dr Anun, *parvovirus* merupakan sejenis penyakit mudah berjangkit melibatkan haiwan seperti kucing serta anjing dan sekiranya haiwan tersebut tidak divaksin ia boleh menyebabkan kematian.

"Jika ada seekor kucing dijangkiti *parvovirus*, ia mudah menjangkiti kucing lain dalam kawasan itu yang tidak ada imuniti dan tiada vaksin," jelasnya.



DR ANUN

Pada 6 Mac lalu, *Sinar Harian* melaporkan kakitangan sebuah universiti sedih apabila menemui 20 bangkai kucing jalanan yang sering diberi makan bergelimpangan di kawasan Pantai Bukit Keluang.

Laporan penemuan 20 bangkai kucing di Bukit Keluang, Besut pada Mac lalu.



Ahlare bangkai kucing jalanan yang ditemukan mati kawasan Pantai Bukit Keluang, di Besut pada Ahad.

YORHASPIDA YATIMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2022	BERITA MEDIA CORP	ONLINE	

M'sia larang eksport ayam: Apa perlu anda tahu



SINGAPURA: Malaysia mengumumkan pada 23 Mei bahawa ia akan mengekang eksport ayam mulai Jun 1 untuk memastikan bekalan yang cukup dalam pasaran domestik.

"Keutamaan kerajaan adalah rakyat kita," kata Perdana Menteri Ismail Sabri dalam satu kenyataan, sambil menambah bahawa pihak berkuasa juga akan menjalankan siasatan mengenai dakwaan harga kartel.

Berikut adalah beberapa perkara yang anda perlu tahu tentang sekatan eksport Malaysia dan potensi kesannya:

Soalan: Mengapa Malaysia menyekat eksport ayam?

Jawapan: Para pelanggan Malaysia sudah mengadu tentang kenaikan harga ayam di tengah-tengah kekurangan bekalan, dengan beberapa peruncit terpaksa mencatu jualan mereka.

Menurut para peniaga utama dalam perusahaan ayam, faktor-faktor yang menjejaskan bekalan termasuk kenaikan kos pengeluaran ayam, jangkitan penyakit dan keadaan cuaca.

Isu-isu itu dibangkitkan dalam mesyuarat bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia pada 23 Mei.

Seorang petani di Johor memberitahu Mediacorp bahawa satu isu yang menjejaskan bekalan ialah kenaikan kos makanan ayam ternakan, yang dilaporkan meningkat seganda sejak bulan lalu.

Soalan: Apa lagi yang dilakukan Malaysia untuk menangani isu tersebut?

Jawapan: Selain daripada mengekang eksport sebanyak 3.6 juta ayam sebulan mulai Jun, Malaysia menyatakan ia akan mengadakan penimbal bekalan ayam dan mengoptimalkan kemudahan menyimpan barangan sejuk sedia ada di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan agensi.

Pihak berkuasa juga akan memudahkan proses tuntutan subsidi bagi pengeluar ayam dan mengiktiraf pusat penyembelihan di luar negara untuk membantu meningkatkan pengeluaran bekalan ayam negara.

Permit yang diluluskan untuk mengimport ayam seekor dan yang sudah dipotong turut dimansuhkan, iaitu satu langkah yang bertujuan untuk meningkatkan bekalan makanan.

Perdana menteri itu berkata kerajaan sedar tentang dakwaan bahawa kartel sedang mengawal

harga dan bekalan, sambil menambah bahawa pihak berkuasa akan menyiasat dakwaan itu.

Soalan: Berapa lama sekatan eksport itu akan berlarutan?

Jawapan: Tiada tarikh yang ditetapkan untuk menyambung semula eksport itu, dengan Malaysia hanya menyatakan sekatan tersebut akan berterusan sehingga harga domestik dan pengeluaran kembali stabil.

Situasi bekalan itu sudahpun berlaku sejak awal tahun ini, kata Encik Ameer Ali Mydin, pengarah urusan rangkaian pasar raya besar dan kedai runcit Mydin di Malaysia.

Dia memberitahu Mediacorp bahawa tempahan mingguan - yang biasanya berjumlah kira-kira 100 tan untuk semua cawangan - sudah jatuh kepada 40 tan.

Para peruncit yang lebih kecil juga melaporkan menerima jumlah lebih kecil bekalan.

Soalan: Bagaimana ia menjejaskan para pelanggan di Singapura?

Jawapan: Singapura mengimport kira-kira 34 peratus ayam dari Malaysia, di mana hampir kesemuanya dibawa masuk hidup-hidup dan kemudian disembelih dan disejukkan di dalam negara.

"Pengumuman yang mendadak oleh Malaysia berkemungkinan akan memberi kesan buruk terhadap harga ayam dan produk-produk berkaitan di Singapura," kata presiden Persatuan Pengguna Singapura (CASE) Melvin Yong.

Beberapa pegerai pasar basah berkata mereka mungkin terpaksa tutup kedai buat sementara waktu, sambil menambah bahawa sekatan eksport boleh menaikkan lagi harga ayam, menyebabkan para pelanggan tidak mahu membelinya.

Para pengimport ayam di Singapura juga sudah menyuarakan kebimbangan mengenai peralihan kepada sumber alternatif dalam masa yang singkat.

Walaupun mungkin terdapat gangguan buat sementara waktu pada bekalan ayam yang sudah disejukkan, Agensi Makanan Singapura (SFA) menyatakan ayam beku masih sedia ada.

Ia menggesa para pembeli supaya mempertimbangkan pilihan itu serta sumber-sumber produk daging lain.

la kemungkinan besar diguna beberapa syarikat farmaseutikal untuk mempromosikan alat mereka komersial baru. Kata Abdul Karim

la kemungkinan besar diguna beberapa syarikat farmaseutikal untuk mempromosikan alat mereka komersial baru. Kata Abdul Karim

Age 9-18, 12,000 WY

"Tháng năm tháng năm
mười năm rồi không thấy
mới là không, lại mới
đến, đến là đến."

Bermukun 76 jam bakal catat sejarah dalam The Malaysia Book of Records

[Home](#)
[About Us](#)
[Contact Us](#)
[Privacy Policy](#)
[Terms of Service](#)
[FAQ](#)
[Blog](#)
[Partners](#)
[Press](#)
[Careers](#)

During Joseph Williams' first three lifetimes, he had been a physician, a lawyer, and a judge. In his fourth, he was a judge again, but this time he was a judge of the Supreme Court of the United States.

Kranenburg 041 (Cheng
Kai - Pingping Pingping
Halle 8550 South-Lake)
Nuremberg 041 (Pingping
Pingping Pingping Pingping
Halle 8550 North-Lake)
Nuremberg 041 (Pingping
Pingping Pingping Pingping
Halle 8550 North-Lake)

Tiada penurunan taraf sistem automasi dalam sistem ART: Lee

1. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 2. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 3. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 4. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 5. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 6. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 7. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 8. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 9. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)
 10. *Microtus pennsylvanicus* (Richardson)

國農諮理會30日呈建議 擬中長期措施加強糧安

（吉隆坡25日讯）国家农业及食物工业咨询理事会（MPPN）已拟定一些建议，包括加强国家粮食安全的中长期措施，并将于5月30日由首相拿督斯里依斯迈沙比利主持的国家粮食安全内阁委员会会议上审议提呈有关建议，以更有效解决当前国家粮食安全相关问题。

农业及食物工业部今日发表文告指出，农业部长拿督罗纳建迪主持的国家农业及食物工业咨询理事会今日召开了一项特别会议，就当前国家粮食安全相关问题征求意见和建议。

“此外，会议还讨论了中长期干预措施，根据当前发展和需求，全面、整体地制定农业和食品行业的发展方向。”

文告表示，尽管政府已在近期

采取一系列的措施，包括向养鸡业者提供补贴、取消农产品进口许可证（AP）、停止出口鸡只等措施以解决粮食安全问题，但国家农业及食物工业咨询理事会认为当局仍需采取中长期措施，以更全面应对国家粮食安全挑战。

“农业及食物工业部将对本次会议提出的所有建议和意见采取后续行动。”

“一些建议，包括加强国家粮食安全的中长期措施，将在5月30日由首相主持的国家粮食安全内阁委员会会议上提呈。”

农业及食物工业部强调，将继续与所有利益相关者进行公开讨论并参与，以应对当前威胁该国粮食安全的挑战，同时确保国内粮食供应的充足。

Siasat punca hasil padi kurang -MB

ALOR SETAR: Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, mengesahkan faktor yang menyebabkan Kedah mengah hasil padi di serta diatasi segera.

Kata beliau, senario situasi semasa yang menyebabkan padi hanya mampu dihasilkan sebanyak enam tan sehektar perlu diberi perhatian dan tindakan segera memandangkan Kedah merupakan negeri pengeluaran makanan berasi tersebut.

Dalam masa yang sama, beliau tidak menolak kemungkinan wujudkan kartel tertentu di dalam industri tersebut yang menjadi penyebab pengeluarannya statik walaupun prosesnya mengambil masa yang panjang di samping subsidi baja dan racun semakin bertambah.

“Apakah faktor yang menyebabkan Kedah hanya mampu mengeluarkan padi enam tan sehektar sedangkan proses serta melalui sumber yang sama?”

“Berbanding di Selangor, padi yang dihasilkan di sana sebanyak 12 tan sehektar. Adakah betul padi di Kedah enam tan sahaja atau alat timbang rosak? Rosak atau dirosakkan?” soal beliau agak tegas.

Kejayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang mampu mengeluarkan padi sebanyak 7.8 tan sehektar perlu diberi perhatian dan dibuat perbandingan.

“LZNK mengusahakan sendiri sawah padi di tanah seluas 30 hektar dan berjaya menuai hasil pertamanya sebanyak 7.8 tan satu hektar.

“Tentu ada rancangan yang tersimpul dan bagi saya simpulan itu perlu dibuka. Kalau ada kartel dalam industri padi ini ia mesti dihapuskan. Baharulah nasib petani akan berubah dan pengeluaran padi akan meningkat,” tambahnya lagi.

Justeru itu katanya semua pihak perlu jujur dan jangan kerana hendak mencari kekayaan sendiri sanggup membelakangi kepentingan negara.

Beliau tegasnya akan memerangi hal berkenaan habis-habisan sekiranya benar wujud kartel di dalam industri itu.

Kerajaan disaran lepaskan kawalan harga ayam

KOTA KINABALU: Selagi kerajaan mengawal harga makanan seperti beras dan ayam menyebabkan stok bekalan akan terus kekurangan.

Penganalisis ekonomi Rizwan Ramalan berkata, kerajaan perlu segera melepaskan kawalan harga dan membiarkan pasaran ayam diniagakan secara terbuka.

Katanya biarkan harga ayam ditentukan pasaran di mana harga akan naik turun mengikut teori permintaan dan penawaran.

"Ini kerana keadaan sekarang menjadi kepanikan awam ekoran kenaikan harga barangan keperluan harian.

"Seluruh rangkaian ekosistem makanan terganggu. Krisis Ukraine-Russia sebenarnya turut melibatkan US Dollar kerana ia merupakan matawang dunia.

"Apabila Russia membuat keputusan untuk menamatkan 5000 Russian Ruble dengan 1 gram emas

ia mencetuskan peperangan ekonomi dengan Amerika Syarikat dan sekutunya," katanya pada satu kenyataan.

Menurutnya juga Amerika akan terus memperkukuhkan nilai matawang melalui kenaikan harga minyak.

Kata beliau juga harga minyak naik mengakibatkan nilai USD turut naik.

"Kesan itu turut membabitkan kos input pengeluaran makanan seperti dedak dan jagung dalam rangkaian pengeluaran ayam.

"Pengeluar terpaksa mencuba alternatif baru dalam mengurangkan kos input dan kini kesannya sangat buruk," ujarnya.

Rizwan juga menyifatkan pengumuman Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri Yaacob kerajaan menghapuskan permit import bahan berasaskan makanan sebagai inisiatif yang baik. -*Sabahmedia*

26/5/2022

SINAR

CETUSAN

17

HARIAN

Inflasi makanan meningkat kepada 4.1 peratus

PUTRAJAYA - Indeks Harga Pengguna April 2022 meningkat 2.3 peratus ke- pada 125.9 berbanding 123.1 pada bulan sama tahun sebelumnya, sekali gus melepasi purata inflasi bagi

tempoh Januari 2011 hingga April 2022 iaitu sebanyak 1.9 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, inflasi makanan pada

April pula meningkat lebih tinggi pada 4.1 peratus dengan 89.1 peratus item makanan bagi kumpulan makanan dan minuman.

Menurutnya, ia diikuti oleh restoran dan hotel (3.2 peratus), pengangkutan (3 peratus), hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (2.7 peratus), pelbagai barangan dan perkhidmatan (1.8 peratus) dan perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (1.3 peratus).

"Pendidikan mencatatkan peningkatan 1 peratus manakala perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain meningkat 0.8 peratus. Minuman alkohol, tembakau dan kesihatan masing-masing meningkat secara marginal 0.5 peratus dan 0.2 peratus," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sementara itu, mengulas mengenai laporan tersebut, Mohd Uzir menjelaskan, kenaikan inflasi makanan yang menjadi penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna, kekal menjadi penyumbang utama kepada

kenaikan inflasi.

Jelasnya, inflasi kumpulan ini meningkat 4.1 peratus pada April 2022 berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

Tambahnya, subkumpulan susu, keju dan telur misalnya, menunjukkan kenaikan tinggi sebanyak 7.2 peratus berbanding 7 peratus pada bulan sebelumnya dan diikuti oleh kenaikan daging (6.2 peratus), sayur-sayuran (4.5 peratus) serta ikan dan makanan laut (3.8 peratus).

"Peningkatan harga sayur-sayuran adalah disebabkan oleh cuaca tidak menentu. Selain itu, peningkatan harga ini juga disebabkan oleh peningkatan harga baja, kos logistik dan kekurangan sumber tenaga manusia di tapak pertanian.

"Kerajaan telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 yang bermula pada 26 April sehingga 10 Mei 2022 sebagai langkah menstabilkan harga barangan," katanya.

Bekalan tepung gandum masih sukar diperoleh

SHAH ALAM - Isu kekurangan bekalan tepung gandum masih belum menemui jalan penyelesaian apabila bekalan itu tidak masih sukar didapati kerana stok yang terhad.

Pengurus sebuah restoran di Seksyen 16 di sini, Ibrahim Arif, 48, berkata, bekalan tepung gandum sukar untuk diperolehi sejak minggu lalu.

"Boleh dapat bekalan, tapi tidak dapat banyak. Kalau beli di kedai runcit satu gumi mereka boleh beri tetapi jika mahu lebih mereka tidak ada stok," katanya.

Seorang pekerja kedai serbaneka yang enggan dikenali berkata, bekalan tepung gandum masih boleh didapati namun tidak semua jenama diterima sejak seminggu lalu.

"Ada ramai pelanggan tanya, namun kita terpaksa maklumkan tiada bekalan baharu diterima sejak seminggu lalu," katanya.

Seorang lagi pekerja kedai serbaneka memaklumkan pihaknya kekurangan bekalan bahan mentah jenis itu sejak tiga hari lalu.

Sementara itu, seorang pelanggan, Latifah Omar, 46, berkata, dia tidak berdepan dengan masalah mendapat bekalan memandangkan hanya menggunakan tepung gandum untuk keperluan isi rumah.

"Serikat ini, saya tidak berdepan masalah cuma ada juga rakan-rakan yang berniaga kuih maklumkan sukar mendapatkan tepung gandum yang berkualiti terutama dalam tempoh seminggu dua ini," katanya.



Malaysia sedia bekerjasama pastikan pertanian terus berkembang - Zuraida

KUALA LUMPUR - Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan pihak antarabangsa, termasuk agensi kerajaan, ahli akademik, institut penyelidikan, peserta industri dan perniagaan bagi memastikan industri komoditi pertanian terus berkembang secara progresif dan mampan, kata Menteri Perumahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin.

"Melihat kepada kemampanan dan ekonomi sirkular, kami menyedari perlu kerjasama dengan ramai pihak berkepentingan dan peserta teknologi yang berpotensi untuk memanfaatkan teknologi terkini bagi meneroka potensi penuh pengeluaran komoditi pertanian.

"Terdapat keperluan untuk menyediakan kemudahan lebih baik, teknologi canggih dan pelaburan besar ke dalam industri untuk memastikan kelebihan daya saing berbanding amalan tradisional," katanya ketika berucap pada majlis Forum Perkongsian Malaysia-British di Kelab Caledonian, London pada Rabu.

Zuraida berkata, Malaysia telah berada di barisan hadapan mempromosikan minyak sawit dan biojisim sawit dalam sektor pembuatan.

Beliau berkata, Strategi Biojisim



ZURAIDA

Kebangsaan Malaysia 2020 (NBS2020) menetapkan sasaran untuk menjadikan biojisim sawit sebagai produk bernilai lebih tinggi yang akan menghasilkan pendapatan negara kasar (GNI) tambahan sebanyak £5.5 bilion (RM30 bilion) serta mewujudkan 66,000 pekerjaan dan pada masa yang sama menarik £4.6 bilion (RM25 bilion) dalam pelaburan dan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 12 peratus.

Kementerian telah mengintegrasikan ekonomi sirkular ke dalam pengeluaran

komoditi pertanian, khususnya minyak sawit sebagai penyelesaian berkesan untuk mengoptimalkan penggunaan sumber (bahan mentah) dan meminimumkan pembaziran daripada pengeluaran, pelepasan dan ketidakcekapan tenaga.

"Model ekonomi sirkular sudah pasti merupakan jalan ke hadapan untuk penyumbatan mampan dan beretika komoditi pertanian Malaysia.

"Walaupun hadapi cabaran untuk mengangkannya ke dalam model linear semasa, tumpuannya adalah untuk mencipta lebih banyak nilai. Terdapat banyak nilai diperolehi daripada menggunakan semula dan mengitar semula bahan mentah ini," tambahnya. - Bernama

Kerajaan Kelantan sedia tanam jagung bijian

Pernah diusahakan di Bachok empat tahun lalu tetapi permintaan rendah ketika itu

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Kerajaan Kelantan bersedia mengusahakan tanaman jagung bijian termasuk di tanah-tanah pertanian yang terbiar di negeri ini sebagai alternatif jangka panjang kepada makanan ternakan ayam.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, tanah di negeri ini sesuai dengan tanaman jagung yang terbukti menerusi hasil terbaik keluaran jagung untuk makanan manusia jenis manis, mutiara dan lemak dari Kelantan.

Katanya, tanaman jagung bijian untuk makanan ternakan itu pernah dilaksana di Bachok empat tahun lalu, namun terhenti kerana kekurangan permintaan dalam pasaran ketika itu.

"Dulu kami sudah tanam pokok jagung bijian untuk diproses sebagai makanan ternakan haiwan termasuk ayam namun terpaksa digantikan semula dengan tanaman jagung manis, mutiara dan lemak kerana jagung bijian kurang mendapat sambutan di dalam pasaran waktu itu.

"Jadi, kini kerajaan bersedia me-



Tanaman jagung yang diusahakan di kawasan Bachok.

nukarkan semula tanaman jagung sedia ada kepada tanaman jagung bijian untuk diproses menjadi makanan kepada ternakan," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Selasa.

Mengulas lanjut, pembangunan tanaman jagung bijian itu bagaimanapun menuntut jaminan daripada kerajaan terutama subsidi baja dan racun selain perlu dipastikan kebolehpasaran jagung bijian itu.

"Kerajaan negeri dan petani bersedia bekerjasama untuk pembangunan makanan ternakan yang boleh dilakukan secara besar-besaran termasuk di tanah pertanian terbiar.

"Mereka memerlukan sokongan daripada kerajaan Pusat menerusi insentif dan subsidi berkaitan baja



TUAN MOHD SARIPUDIN

KRISIS BEKALAN AYAM

serta racun kerana mereka terbeban dengan peningkatan sekali ganda harga bahan tanaman itu serta perlu dipastikan dapat dijual misalnya menerusi kontrak perjanjian dengan mana-mana pihak berkaitan," katanya.

Tambah beliau, kerajaan negeri juga dalam usaha meningkatkan tanaman jagung manis, mutiara dan lemak daripada sejuta tanaman kepada 10 juta pokok jagung ditanam di Jeli.

Pada Isnin, kabinet meminta kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) untuk penanaman jagung bagi jangka masa panjang untuk dijadikan makanan ternakan ayam.

P Pinang' kenal pasti beberapa kawasan untuk tanaman bijirin

BUKIT MERTAJAM - Pulau Pinang sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang sesuai dan berpotensi bagi tanaman jagung sebagai alternatif makanan ayam dalam skala kecil di tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) di negeri itu.

Pengarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Muhaimin Ibrahim berkata, beberapa kawasan dikenal pasti antaranya di sekitar kawasan Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan untuk tujuan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan tanaman jagung itu bakal dimulakan tahun ini selepas perbincangan lanjut diadakan bersama pihak berkaitan.

"Tanaman bijirin jagung ini memerlukan kawasan luas dan tanah sesuai kerana kita mahu hasil berkualiti.

"Sebagai contoh, kita sudah mengenal pasti kawasan seluas 32.4 hektar untuk tanaman bijirin jagung ini. Tapi kita masih tetap perlu lihat juga bentuk muka buminya," katanya ketika ditemui pada majlis hari bertemu pelanggan Jabatan Pertanian negeri di sini pada Rabu.

Pada Selasa, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, kerajaan Pulau Pinang bersedia mempermbangkan permohonan daripada mana-mana pihak untuk mengusahakan tanaman jagung sebagai alternatif makanan ayam dalam skala kecil di tanah TOL di negeri itu.

Kon Yeow berkata, pihaknya menggalakkan petani untuk menceburi tanaman jagung itu dalam skala kecil kerana ketika ini permohonan untuk tanah TOL kebanyakannya hanya untuk penanaman buah-buahan.



Muhaimin (tengah) menunjukkan durian yang disediakan selepas majlis had bertemu pelanggan Jabatan Pertanian Pulau Pinang pada Rabu.

26/5/2022

HARAKAH

NASIONAL

30

Oleh TAMAR DJAJA

ISU 'food security' atau jaminan bekalan makanan sudah mula diwarakan secara arus perdana dalam dua tiga tahun kebelakangan. Namun kelihatannya perkembangan semasa dunia apabila Ukraine yang menjadi antara pembekal gandum terbesar dunia diheret ke kancah peperangan bakal memburukkan lagi keadaan krisis makanan yang kini bakal menghambat dunia.

Russia sebagai pembekal baja di peringkat global pula dikenankan sekatan ekonomi yang menyaksikan kos pertanian kini meningkat.

Fahami senario food security Malaysia

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Sekuriti Makanan Global atau Global Food Security Index (GFSI) pada 2021 adalah pada ranking 39 daripada 113 negara. Di peringkat Asia Pasifik Malaysia berada pada ranking ke 8 manakala dalam kalangan negara Asia Tenggara Malaysia berada pada kedudukan ke-2 selepas Singapura.

Malaysia dilihat berada pada kedudukan yang baik namun perlu kita cermati, food security tidak sama dengan tahap sara diri (SSDI) bagi bekalan makanan.

Hal ini demikian kerana, meskipun berada pada kedudukan GFSI yang baik, hampir 60 peratus bekalan makanan Malaysia adalah diimport. Misalnya, pada 2020, kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak RM55.4 bilion.

Itu nilai makanan diimport Malaysia berbanding RM45.3 bilion pada 2015 iaitu peningkatan sebanyak 22.3 peratus. Sekiranya berlaku krisis atau gangguan pada rantaian bekalan makanan, sudah pasti jaminan bekalan makanan Malaysia tu-

rut terjejas. Inilah senario yang berlaku pada waktu ini.

Sebagai sebuah negara khatulistiwa yang dikurniakan nikmat cuaca panas lembap dan tropikal yang sesuai untuk penanaman dan pertanian adalah amat rugi sekiranya kebajikan ini tidak dimanfaatkan.

Namun para petani juga berdepan cabaran kelesahan tanah dalam cubaan mengusahakan tanah agar benar-benar sesuai untuk pertanian skala besar serta dapat menghasilkan kualiti tanaman yang baik. Faktor ini turut dipengaruhi faktor baja yang memerlukan ulasan lain.

Usaha bangunkan sektor pertanian

Apabila diteliti terdapat juga usaha bagi membangunkan sektor pertanian dan yang berkaitan tidak dirancang dengan begitu sistematik dan telus.

Contohnya projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) yang dirancang untuk membangun serta membekalkan pengeluaran daging lembu untuk keperluan negara, namun akibat perancangan yang tidak cermat serta diselubungi isu integriti, NFC menemui 'ajal'.

Pentadbiran kerajaan Terengganu menerusi Exco Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri yang dipimpin Dr Azman Ibrahim wajar diberikan pujian atas visi dan pandangan jauh terhadap isu bekalan makanan. Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu (PSPNT) 2019-2023 telah dirancang sebagai

dung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu. Antara senarai projek-projek yang telah diusahakan kerajaan:

1. Projek mega tanaman ladahitam di Bukit Bidong Setiu (386.4 juta)

2. Projek pengeluaran benih kerapu hibrid di Limau Nipis Setiu (8 juta)

3. Projek induk penganda kambing tenusu di Kg Bari (1 juta)

4. Projek tanaman nenas MD2 di Pak Kancil (10 juta)

5. Projek ternakan lembu semi fidlor di Kg Pak Kancil (7 juta)

6. Projek tanaman ubi vitato berkelompok di Kg Banggol (560,000)

7. Projek tanaman nappier di Kg Setia Jaya Merang (2 juta)

8. Projek tanaman kelapa di Kg Banggol Mukim Tasek (30 juta)

9. Projek nursery pertanian di Kg Putera Jaya (1 juta)

10. Projek pembangunan jeli pendaratan ikan di Sg Merang (25 juta)

11. Projek tanaman musang king di Kg Hulu Seladang & Sg Liring (4.8 juta)

12. Projek ternakan ayam bersepadu di Kg Banggol (10 juta)

13. Projek tanaman kontan di Kg Setia Jaya Merang (2.4 juta)

14. Projek pembangunan tanah terbiar di RTB Pengkalan Aman dan Kg Rahmat dengan tanaman MK dan Harum Manis

15. Projek ternakan ketam nipah oleh YDSM

16. Projek perluasan kawasan

jelapang padi fasa 2 Daerah Setiu (viii) Pemulihan kawasan sawah padi Kg Pengkalan Nangka, Kg Bharu dan Tok Saboh berjumlah ribuan ekar yang terbiar disebabkan kerosakan empangan sejak 2012, berjaya dipulihkan kembali.

ix) Sekretariat Tahun Pertanian Terengganu 2021 sedang menyedaiakan pelan perancangan kearah penubuhan Perbadanan Pertanian Negeri Terengganu.

x) Melaksanakan penguatkuasaan Kedah-Kaedah Perikanan Darat Negeri Terengganu yang dibaca bersama Akta Perikanan 1985. Akta Perikanan dahulu hanya mempunyai peruntukan untuk mengawal sektor perikanan laut sahaja.

xi) Peruntukan RM2.5 juta untuk menyelesaikan masalah infrastruktur pengaliran dan kesuburan tanah sawah di kawasan luar jelapang padi seluas kira-kira 7,000 hektar.

xii) Menakl taraf kawasan penanaman buah-buahan sedia ada dan membuka kawasan baru bagi penanaman buah-buahan terpilih. Pada tahun 2020 sebanyak RM1.7 juta diperuntukan untuk pembangunan kawasan, infra pengaliran, pemastiran dan bantuan input serta insentif penanaman buah-buahan.

xiii) Kerajaan juga menyediakan kemudahan insentif ladang kontrak.

xiv) Terbaharu, Terengganu bakal memiliki kilang makanan ternakan sendiri di Bukit Koi, Marang dengan kos 20 juta ringgit hasil kerjasama GLC dan syarikat swasta bagi meringankan kos pengurusan haiwan ternakan tempatan.

Bagaimana Terengganu kukuhkan 'Food Security' tempatan

Pro dan kontra henti eksport ayam

KEPUTUSAN drastik kerajaan menghentikan eksport ayam mulai Jun ini membolehkan kekurangan bekalan ayam di pasaran tempatan dipulihkan.

Ia berikutan setiap bulan negara mengeksport sekitar 3.6 juta ekor ayam ke luar negara.

Walaupun langkah kerajaan itu kurang digemari pihak industri, selain dikritik beberapa pihak yang menyifatkan ia sebagai langkah tergesa-gesa, namun keputusan perlu diambil memandangkan situasi ketika ini benar-benar membebankan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ketetapan tersebut adalah antara beberapa langkah jangka pendek yang diputuskan oleh mesyuarat kabinet pada Isnin lalu bagi menangani masalah bekalan dan harga ayam.

Selain itu, Ismail Sabri menjelaskan bahawa kerajaan akan mewujudkan stok penimbale ayam dan mengoptimalkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Turut digariskan adalah pemansuhan permit import (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam, mempermudah proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam dan menambah serta mengiktiraf loji sembelihan ayam di luar negara.

Apa pun, langkah menghentikan eksport ayam dan pemansuhan AP bukanlah langkah penyelesaian yang sebenar.

Malah, pemansuhan AP untuk import ayam bulat dijangka kurang mendapat sambutan kerana sebab yang sama iaitu harga ayam global lebih mahal.

Demi menyelesaikan kekurangan bekalan ayam, pihak kerajaan seharusnya memahami masalah sebenar dan berusaha membantu golongan penternak tempatan mencari penyelesaian menang-menang.

Sementara itu, pada Selasa, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi telah menenangkan pemain-pemain industri yang kecewa dengan keputusan larangan eksport ayam berkenaan.

Beliau memberitahu larangan eksport ayam bukan langkah jangka panjang, sebaliknya ia akan dibenarkan semula selepas keadaan bekalan negara kembali pulih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2022	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



Jamal akan teruskan misi jual ikan harga murah

SHAH ALAM - Ketua UMNO Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunus sedang dalam usaha untuk mendapatkan bekalan ikan dari luar negara iaitu Vietnam, Thailand dan Myanmar untuk diimport ke negara ini.

Menurut Jamal, ia satu usaha yang dilakukannya untuk menjual ikan dengan harga yang murah memandangkan harga tersebut kini dianggap tidak stabil dan melampau batas.

"Saya sedang berusaha sudah seminggu memikirkan kaedah bagaimana untuk mendapatkan bekalan ikan ini termasuklah bertubung dengan nelayan atau pemborong dari luar negara.

"Kalau dapat bawa masuk ikan sama ada yang segar atau sejuk beku juga sudah memadai. Ini supaya negara kita terutama rakyat dapat menikmati harga ikan yang sepatutnya. Saya akan cuba yang sebaiknya.

"Insya-ALLAH dalam waktu terdekat atau selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri ini, saya akan cuba membuat satu program jualan harga yang munasabah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada tahun 2017, semasa negara mempunyai krisis harga ikan yang meningkat tinggi, Jamal menganjurkan satu pro-



JAMAL

gram menjual empat jenis ikan dengan harga RM5 sekilogram (kg).

Dalam pada itu, Jamal berkata, sekiranya tidak mampu membawa masuk ikan segar melalui rangkaian yang dibentuk bersama negara luar, beliau akan cuba bawa masuk stok ikan sejuk beku.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAPI) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga perlu berperanan untuk mengimport ikan sejuk beku ketika negara mempunyai krisis

kenaikan harga ikan kini.

"Bila dalam keadaan mahal ini, kita cuba galakkan kepada rakyat supaya beralih seketika untuk stabilkan harga ikan dengan makan atau beli ikan sejuk beku. Kalau sejuk beku, baru RM6 hingga RM7 harga ikan kembung untuk satu kg.

"Ia berbeza dengan yang segar iaitu mencecah sehingga RM20. Ini apa yang saya nampak. Harga tidak munasabah dari melampau. Sedangkan, nelayan jual kepada orang tengah lebih kurang RM7 hingga RM8 sahaja.

"Meskipun kualiti ikan sejuk beku dan segar ada beza, tetapi tidak jauh sahaja bezanya. Namun harga mempunyai per-

bezaan yang sangat jauh. Jadi, lebih baik untuk kita import ikan jenis ini," ujarnya.

Mengulas mengenai kenaikan harga ikan, Jamal mendakwa ia merupakan permainan orang tengah yang ingin menunjukkan ketidakpuasan hati terhadap keputusan kerajaan memansuhkan *Approved Permit* (AP).

Katanya, walaupun ikan di pasaran dijual dengan harga yang mahal, namun para nelayan tidak dibayar selimpal dengan harga yang telah dijual.

"Hanya pemborong yang untung dan nelayan tidak peroleh keuntungan yang banyak. Ini masalah yang tidak dapat diselesaikan," ujar beliau.

Tangkap ikan kecil punca stok ikan berkurangan

Peningkatan suhu laut juga antara punca, beri kesan kepada hidupan marin termasuk habitat dan taburan makanan

Laporan NURHIDAYAH HAIROM, NAZRIN ZULKAFLI dan RAJA NUR FAZNE AIDA

SHAH ALAM

Peningkatan suhu laut memberi kesan kepada hidupan marin termasuk habitat dan taburan makanannya menjadi antara punca menyebabkan stok ikan berkurangan.

Pensyarah kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz berkata, contoh habitat yang terkesan akibat peningkatan aras laut adalah terumbu karang manakala makanan yang terkesan adalah zooplankton (haiwan) dan phytoplankton (tumbuhan) yang menjadi makanan hidup bagi ikan di lautan.

Selain itu, beliau berkata, kekurangan stok ikan juga boleh disebabkan oleh sesetengah peralatan perikanan yang sedia ada terlalu berkesan dalam menangkap ikan se-

hingga mampu memerangkap ikan bersaiz kecil dan bukan sasaran.

"Ada di antara ikan bersaiz kecil yang tertangkap ini terdiri daripada ikan komersial yang bernilai tinggi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, pencerobohan aktiviti penangkapan ikan oleh operasi perikanan di zon yang tidak dibenarkan juga menyumbang kepada masalah bekalan ikan.

"Sebagai contoh, apabila berlaku pencerobohan aktiviti penundaan di zon yang tidak dibenarkan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab di Zon A dan Zon B boleh mengganggu kelangsungan bekalan ikan pada masa akan datang.

"Ini kerana Zon A dan Zon B merupakan zon penampungan bagi stok perikanan ikan di dunia.

Kawasan ini selalunya dihuni oleh ikan juvenil yang masih kecil," katanya.

Justeru, beliau berkata, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil sebagai usaha mengatasi masalah bekalan ikan dengan melibatkan kerjasama antara pihak perikanan, berkuasa, pembuat polisi, industri dan saintis.

Katanya, kerjasama dan perbincangan dari masa ke masa penting bagi membantu mencari solusi yang baik bagi meningkatkan stok perikanan negara.

"Saranan lain adalah dengan memperbanyakkan tukun tiruan bagi menggantikan habitat asal yang terjejas dan juga melindungi kawasan



Laporan muka depan *Sinar Harian* pada Rabu.

tumpuan ikan yang masih kecil bagi kelangsungan hidupan marin.

"Selain itu, perlu juga mewujudkan musim tertutup bagi sesetengah spesies marin, terutamanya pada waktu puncak ia membiak. Peralatan perikanan juga perlu diubah suai agar tidak dapat memerangkap ikan bukan sasaran atau ikan baja semasa aktiviti dilakukan," ujarnya.

Katanya, para nelayan juga boleh menggunakan penduga gema yang mampu menghasilkan imej yang baik agar dapat mengesan ikan di bawah lautan dengan lebih tepat.

"Teknologi ini juga dapat membantu nelayan mengesan ikan dan mengurangkan kos pencarian yang melibatkan minyak serta masa," kata beliau.

Kos operasi tinggi punca nelayan bot besar tidak turun ke laut

SHAH ALAM - Kos pengoperasian yang tinggi menjadi punca utama nelayan bot besar tidak dapat turun ke laut menyebabkan bekalan ikan berkurangan sejak dua bulan lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, ia berikutan nelayan bot besar dari Zon C2 tidak menerima subsidi minyak daripada kerajaan seperti mana yang diberikan kepada nelayan dari Zon A, B dan C.

"Nelayan yang dapat subsidi minyak hanya di Zon A, B dan C sahaja, manakala bagi Zon C2 yang bot besar tak dapat subsidi. Jadi harga diesel yang mereka (nelayan bot besar) dapat tu tinggi RM4.50 seliter, berbanding yang lain RM1.65 sen seliter.

"Sedangkan nelayan bot besar ini mereka balik dari laut lambat, makan masa beberapa jam untuk tangkap ikan.

"Jadi kos pengoperasian tinggi, sebab kos minyak naik. Itu yang menyebabkan mereka tak keluar tangkap ikan; secara tak langsung berlaku kekurangan bekalan di pasaran," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Abdul Hamid berkata, Zon A adalah kawasan yang dibenarkan memukat iaitu satu batu nautika dari pesisir pantai, selain Zon B (lapan batu nautika), Zon C (15 batu nautika) dan Zon C2 (30 batu nautika) dari pantai dan laut.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu turut mempengaruhi bekalan ikan ketika ini.

"Kalau lihat sekarang, memang kita mengalami kekurangan bekalan ikan disebabkan cuaca sekarang tidak menentu.

"Kadang-kadang air pasang datang tidak diduga dan begitu tinggi sehingga ada nelayan pantai yang keluar hanya dapat lima hingga 10 kilogram (kg) ikan sahaja, berbanding kelaziman 300 kg.

"Keadaan ini seperti tak balik modal (untuk menampung kos) minyak terutama nelayan bot besar," ujarnya.



ABDUL HAMID

Permintaan meningkat
sejak Ramadan
ekoran krisis bekalan
ayam standard

Oleh NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Kekurangan bekalan ayam standard di pasaran ketika ini membuka rezeki kepada penternak ayam kampung atau organik terutama daripada golongan belia untuk meningkatkan pendapatan.

Ini kerana pengguna mula beralih kepada ayam kampung sebagai alternatif memandangkan ia mudah diperolehi kerana diternak secara kecil-kecilan di kawasan kampung.

Penternak ayam kampung kacuk di Kampung Parit Haji Salleh, Sanglang di sini, Hafizul Alief Abu Bakar, 31, mengakui tidak menyangka permintaan pelanggan yang mula meningkat 100 peratus.

"Sebelum ini, jualan ayam kampung hanya 1,000 ekor sahaja tetapi sekarang meningkatkan kepada 2,000 ekor ekoran berlakunya krisis bekalan ayam standard di pasaran bermula sejak



Ternakan ayam kampung diusahakan golongan belia di Pontian menjadi alternatif kepada pengguna terutama di Johor Bahru.

Ramadan lalu.

"Ayam kampung di reban yang akan sampai tempoh matang pada bulan depan, sudah pun ditempah pelanggan.

"Peningkatan tempahan ayam kampung dijangka berterusan memandangkan selepas ini raya

Aidiladha pula. Ayam kampung menjadi pilihan pengguna kerana isinya yang pejal dan lembut selain tidak disuntik," katanya.

Bagi Mohd Nazri Anuar, 28, yang menternak ayam kampung di Kampung Tengah Ayer Baloi, beliau tidak menyangka tangan me-



HAFIZUL ALIEF

MOHD NUR ADZWAN

enuhi permintaan pelanggan terutama dari Johor Bahru dan Melaka.

"Tempahan ayam kampung meningkat sebanyak 1,000 ekor sebulan pada ketika ini berbanding hanya 500 ekor sebelum ini. Jualan ayam kampung yang meningkat sejak Ramadan memberi rezeki buat saya yang sudah 10 tahun menternak ayam," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penternak ayam kampung, Mohd Nur Adzwan Mahamad, 38, pula berkata, dia kini kerap ke Johor

Bahru dan Pasir Gudang untuk menghantar bekalan ayam kampung yang ditempah pelanggan secara dalam talian atau tunai bayar waktu terima (COD).

"Permintaan ayam kampung agak tinggi ketika ini. Dulu hanya sekitar

40 ekor ayam sahaja dijual dalam tempoh seminggu, sekarang cecah 100 ekor seminggu.

"Pelanggan dari Johor Bahru dan Pasir Gudang menempah secara COD bagi ayam kampung yang sudah siap siang dan dibersihkan, selain ada juga ayam kampung sejuk beku," katanya.

Jelasnya, ayam kampung kacuk mengambil akan matang pada tempoh 60 hari dengan berat antara 1.5 kg hingga dua kilogram dijual pada harga sekitar RM15 sekilogram.

Gerakan gesa kerajaan ambil pendekatan tambahan

SHAH ALAM - Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) menggesa kerajaan mengambil beberapa pendekatan tambahan agar bekalan ayam mencukupi sekali gus dapat memenuhi kehendak rakyat.

Naib Presidennya, Koo Shiao Lee ber-



SHIAW LEE

kata, selain ketetapan yang telah diumumkan kerajaan, beberapa pendekatan jangka pendek perlu dilaksanakan kerana pengguna dan penjual mula terhimpit dalam isu ini.

"Saya juga sependapat bahawa industri penternakan sebaiknya diletakkan di bawah kawalan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) agar tidak timbul isu kartel yang berkuasa," katanya dalam kenyataan.

Dalam pada itu, Shiao Lee berkata, kerajaan juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap kartel yang cuba mengugut kerajaan bagi memastikan rakyat tidak dihipnotis dengan isu

kekurangan bekalan dan kenaikan harga.

Beliau turut mencadangkan agar kerajaan memberi bantuan khas kepada penternak dan peniaga ayam supaya operasi perniagaan mereka tidak tergendala disebabkan tekanan kartel.

"Kedua, jalan penyelesaian yang terbaik adalah dengan mengawal kos dari awal hingga akhir dan pada masa sama memberikan situasi menang-menang kepada semua pihak," ujarnya.

Selain itu, Shiao Lee berkata, kerajaan perlu konsisten terhadap pemantauan harga bahan mentah di pasaran melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta mengutamakan permintaan dalam negara berbanding luar negara.

Katanya, kerajaan juga perlu mula merangka dasar yang lebih komprehensif untuk menangani isu kenaikan harga barangan makanan secara lebih serius.

Rumah ternakan tertutup mampu tingkatkan bekalan ayam

KUALA LUMPUR - Ladang ayam tertutup perlu diperluaskan sebagai langkah jangka panjang meningkatkan pengeluaran ayam dalam negara.

Pengarah Institut Kajian Perladangan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Shaufique F Sidique berkata, setakat ini lebih 30 peratus perusahaan ladang ternakan ayam tertutup telah beroperasi di negara ini.

Beliau berkata, rumah ayam tertutup yang dilengkapi dengan sistem kawalan suhu dan kelembapan adalah sesuai untuk ternakan itu susulan keadaan cuaca yang tidak menentu, selain menghindari lalat dan pencemaran bau.

"Haiwan ini (ayam) perlu berada dalam suhu yang berseesuaian dan selesa bagi mengelak daripada terkena sebarang jangkitan penyakit," katanya ketika dihubungi berhubung isu kekurangan bekalan ayam mentah di pasaran.

Menurutnya, dengan per-



Ladang ternakan ayam tertutup dapat meningkatkan pembikinan ayam selain mengawal penularan penyakit.

tambahan ladang ternakan tertutup itu dapat membantu kekurangan bekalan ayam dalam negara yang disebabkan pelbagai faktor, antaranya kenaikan harga jagung, susut nilai mata wang ringgit dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Pensyarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Profesor Datuk Dr Zulkifli Idrus juga berpandangan sama dan berpendapat ladang tertutup itu juga akan meningkatkan pembikinan ayam selain dapat mengawal penularan penyakit.

"Jika di Malaysia ini, ayam-ayam mudah terkena jangkitan penyakit dan salah satunya adalah *newcastle* atau virus sampar dan virus ini menyerang pernafasan ayam, sistem penghadaman dan saraf.

"Penternak sudah tahu kebaikan rumah ayam tertutup ini, tetapi mereka mungkin tidak dapat menyediakannya kerana kos yang sangat tinggi.

"Jadi untuk kita mencecah 100 peratus rumah tertutup di negara ini, mereka perlu mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi," kata beliau. - Bernama

26/5/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

2

Masalah ayam cengkam negara



PEKERJA, Mohamad Hamizan Zakari memeriksa sebahagian daripada 20,000 ekor ayam yang ditemak di sebuah ladang di Kampung Pelam, Telomong, Hulu Terengganu. Eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan dihentikan bermula 1 Jun ini sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil. Ketetapan itu diputuskan pada mesyuarat Kabinet sebagai langkah jangka pendek kerajaan terhadap isu bekalan serta harga ayam.

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kini RM10.70, esok ubah lagi

Peniaga hadkan jualan kepada pelanggan kerana bekalan ayam tidak mencukupi



Kita nak jual tapi ayam tak ada. Hari ini (semalam) yang ada pun sedikit saja. Esok (hari ini) belum tahu macam mana

Mohd Fadi

rang," katanya ketika ditemui Pengerusi Biro Sosio-ekonomi dan Usahawan PPM Mohd Afiq Salim.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Amran berkata, dia hanya menerima bekalan sekitar 300 ekor namun sebahagiannya sudah ditempah peniaga restoran.

Katanya, keadaan itu sudah berlanjutan selama seminggu dan dia berharap

bekalan akan kembali pulih seperti biasa dalam masa terdekat.

"Kalau nak tutup perniagaan, rasanya tidak. Tapi kekurangan bekalan menyukarkan kami berniaga dan pengguna untuk dapat bekalan.

"Mungkin kerajaan perlu tegas dalam memastikan bekalan ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Afiq berkata, berdasarkan maklum balas daripada peniaga ayam di beberapa pasar basah sekitar Lembah Klang, mencukupi satu mekanisme menyeluruh untuk atasi masalah ini termasuk penetapan harga yang menang-menang kepada peniaga dan pengguna.

Katanya, kekurangan stok ayam ini sepatutnya tidak berlaku dan perlunya penternakan skala besar bagi mengelakkan risiko sabotaj

yang merugikan semua pihak.

Katanya, pengenalan platform tunggal tanpa campuran tangan orang tengah adalah kaedah terbaik yang boleh dicadangkan kepada kerajaan sebagai jalan keluar kepada kemelut ini.

"PPMM mendengar keluhan peniaga dan saya sendiri menjalankan soal selidik untuk tahu apa sebenarnya yang berlaku.

"Dalam memperjuangkan isu ini, kita perlu tahu permasalahan yang berlaku baik kepada peniaga mahu pun pihak lain yang terabit dalam rantaian bekalan.

"Itu belum isu harga yang naik turun seolah-olah ada pihak ketiga yang mengawalinya.

"Kementerian berkaitan perlu duduk semeja segera bagi mencari penyelesaian isu ini," katanya.

Ikan patin, tilapia ganti sumber protein

Jerantut: Ketiadaan bekalan ayam segar di daerah ini sejak minggu lalu mendorong pengguna beralih kepada ikan patin dan tilapia sebagai sumber protein.

Tinjauan mendapati kebanyakan pengusaha ikan patin sangkar di daerah ini dan Temerloh mendapati jualan ikan sangkar mereka meningkat dua kali ganda.

Seorang pengusaha ikan patin dan tilapia sangkar di kampung Rumpun Makmur, Temerloh, Mohd Nizam Tapar, 45 mengakui, sejak minggu ini permintaan ikan dari peniaga restoran dan pemborong ikan patin meningkat.

"Sebelum ini, saya membekalkan kira-kira 100 kilogram ikan patin dan tilapia seminggu, tetapi sekarang meningkat 300 kilogram seminggu.

"Minggu depan stok ikan patin dan tilapia di sangkar semakin kurang dan dijangka kehabisan dan akan di isi dengan 4,000 benih baru," katanya yang mem-

punyai dua sangkar ikan patin dan dua sangkar ikan tilapia di sungai Pahang.

Pengusaha ikan sangkar di Kampung Lada, Jerantut, Baharizal Abu Bakar, 43, yang memernak ikan patin sangkar dalam 100 sangkar mendakwa permintaan ikan patin mendapat sambutan kerana kekurangan ayam di pasaran.

Katanya permintaan dari restoran, pemborong dan orang ramai meningkat dengan mendadak sejak minggu lalu.

Menurutnya, ikannya baru dilis Februari lalu dan kebanyakan masih belum capai usia matang untuk dipasarkan.

"Pada masa ini, kebanyakan ikan bersaiz 700 ke 800 gram sahaja, namun ia terus mendapat permintaan tinggi dari pemborong dan penggemar ikan sungai.

"Buat masa ini, saya belum dapat menambah bekalan kepada pengguna dan restoran ikan patin di Lembah Klang kerana saiznya masih kecil," katanya.

IMPORT AYAM DARI BRAZIL

‘Boleh asal ikut pematuhan halal’

Oleh Noor Atiqah
Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) tidak mempunyai masalah untuk menerima produk ayam dari Brazil asalkan ia mengikut pematuhan halal berdasarkan standard dan protokol yang ditetapkan negara ini.

Ketua Pengarah Jakim Datuk Hakimah Mohd Yusoff berkata, sekiranya terdapat permohonan untuk mengimport ayam dari Brazil, Ja-

batan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan menguruskan audit pematuhan ke loji di negara berkenaan dan Jakim akan turut serta bagi memastikan pematuhan halal yang ditetapkan itu dipatuhi.

“Jakim tidak mengeluarkan sijil halal kepada loji dari luar negara, tetapi mewajibkan loji berkenaan mempunyai pensijilan halal daripada badan pembantutan halal yang diiktiraf di negara pengeluar.

“Namun pensijilan halal di negara pengeluar itu tidak bermakna mereka boleh

mendapat kebenaran import produk ke Malaysia secara automatik.

“Ia hanya berlaku selepas pemeriksaan dibuat dan diluluskan oleh JPV, selepas itu barulah produk berkenaan diterima masuk ke negara ini,” katanya.

Hakimah berkata, dengan proses itu, ia menolak kenyataan yang mengatakan bahawa ketiadaan sijil halal daripada Jakim membantutkan usaha kerajaan mendapatkan bekalan ayam yang lebih murah dari Brazil.

“Isu ini tidak membangkitkan kerana urusan pemeriksaan

diuruskan oleh pihak JPV dan Jakim bersedia untuk menghantar juruaudit bagi memastikan pematuhan halal menepati keperluan halal di negara ini,” katanya.

Sebelum ini, Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera Datuk Ameer Ali Mydin mendakwa usaha usahawan untuk mendapatkan bekalan bahan mentah akan sia-sia sekiranya agensi kerajaan yang memberikan pengiktirafan dan pensijilan halal serta keselamatan makanan gagal membantu usaha berkenaan.



SEORANG pekerja kelihatan menyusun ayam segar yang baru tiba dari ladang di salah sebuah tempat pemprosesan ayam di Kampung Kubang Parit.



SEORANG pekerja membawa ayam yang siap disembelih dan diproses untuk dijual kepada pelanggan di salah sebuah kedai di Kampung Kubang Parit, Kuala Terengganu.

LARANGAN EKSPORT AYAM

Tiada impak ketara kepada industri

Kuala Lumpur: Larangan eksport ayam terhadap penggiat industri dilihat tidak memberi impak yang ketara berikutan eksport hanya menyumbang peratusan kecil daripada jualan mereka, menurut ahli ekonomi.

Profesor Ekonomi Malaysia University of Science and Technology (MUST) Dr Geoffrey Williams berkata walaupun negara akan berhenti mengeksport sehingga 3.6 juta ekor ayam sebulan mulai 1 Jun untuk menstabilkan harga dan pengeluaran ayam, penggiat industri masih dijangka mendapat manfaat daripada pasaran tempatan, yang menghadapi masalah kekurangan yang berterusan.

Bagaimanapun, katanya, pengeksport akan kehilangan bahagian pasaran dan pendapatan. Oleh itu, beliau mencadangkan skim pampasan untuk mereka jika skim tersebut belum wujud.

“Stok suapan mereka boleh disubsidi atau mereka boleh diberi konsesi cukai.

“Bagaimanapun, perniagaan mereka akan bertahan. Mereka hanya perlu menghadapi tempoh sukar ini sehingga keadaan menjadi reda. Dalam tempoh jangka panjang, mereka boleh melihat untuk mempunyai model perniagaan yang lebih baik,” katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan keputusan Kabinet untuk

melarang eksport ayam berikutan aduan pengguna mengenai kekurangan dan harga ayam yang tinggi.

Williams, yang juga provost MUST untuk penyelidikan dan inovasi, menyifatkan larangan eksport itu sebagai penyelesaian jangka pendek yang baik untuk kekurangan, yang semakin meruncing.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu bukan penyelesaian jangka panjang berikutan had harga akhirnya akan menjadikan lebih sukar untuk mendapatkan wang daripada perniagaan.

Beliau berkata kerajaan melakukan perkara yang betul untuk menstabilkan pasaran dengan memansuhkan keperluan permit yang diluluskan untuk

mengimport ayam, termasuk keseluruhan ayam dan bahagian ayam serta menyiasat dakwaan bahawa kartel mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat yang lebih besar.

Sementara itu, antara penggiat ternakan ayam terbesar di Malaysia, yang pada masa ini mengeksport ayam ke Brunei, menjangka jualan bulanan akan lebih rendah sekitar RM500,000.

“Kami menghantar 50 tan untuk keseluruhan ayam secara berterusan ke Brunei pada setiap bulan. Oleh itu, syarikat akan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berikutan larangan eksport itu,” katanya.

Cadang perluas ladang ayam tertutup

Kuala Lumpur: Ladang ayam tertutup perlu diperluaskan sebagai langkah jangka panjang meningkatkan pengeluaran ayam dalam negara.

Pengarah Institut Kajian Perladangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Shaufique F Sidiqie berkata setakat ini lebih 30 peratus perusahaan ladang ternakan ayam tertutup telah beroperasi di negara ini.

Beliau berkata rumah ayam tertutup yang dilengkapi dengan sistem kawalan

suhu dan kelembapan adalah sesuai untuk ternakan itu sistulan keadaan cuaca yang tidak menentu, selain menghindari lalat dan pencemaran bau.

“Haiwan ini (ayam) perlu berada dalam suhu yang bersesuaian dan selesa bagi mengelak daripada terkena sebarangangkitan penyakit,” katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini berhubung isu kekurangan bekalan ayam mentah di pasaran.

Katanya, dengan pertambahan ladang ternakan ter-

tutup itu dapat membantu kekurangan bekalan ayam dalam negara yang disebabkan pelbagai faktor antaranya kenaikan harga jagung, susut nilai mata wang ringgit dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Pensyarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Profesor Datuk Dr Zulkifli Idrus juga berpandangan sama dan berpendapat ladang tertutup itu juga akan meningkatkan pembiahan ayam selain dapat mengawal penularan penyakit.

“Jika di Malaysia ini,

ayam-ayam mudah terkena jangkitan penyakit dan salah satunya adalah ‘newcastle’ atau virus sampar dan virus ini menyerang pernafasan ayam, sistem penghadaman dan saraf.

“Penternak sudah tahu kebaikan rumah ayam tertutup ini, tetapi mereka mungkin tidak dapat menyediakannya kerana kos yang sangat tinggi, jadi untuk kita mencapai 100 peratus rumah tertutup di negara ini, mereka perlu mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2022	HARAKAH	MUKA DEPAN	1

MANA AYAM?

Oleh **EVA NATASHA SADALI**

KUALA LUMPUR: Kerajaan didesak mengambil langkah segera bagi menyelesaikan kenaikan harga barang khususnya isu harga ayam yang sedang hangat ketika ini.

Menurut Ketua Penerangan PAS Pusat, Senator Ir Ts Khairil Nizam Khirudin, penyelesaian secara kolektif perlu digembleng antara kementerian dalam memberi penyelesaian komprehensif.

"Agensi-agensi penguatkuasaan perlu

lebih berani untuk memerangi semua jejung, kartel, sindiket dan dalang punca kepada masalah ini," katanya lagi.

Jelas beliau, isu kenaikan harga barang tidak pernah selesai sehingga membebankan rakyat bagi mendapatkan keperluan bahan makanan asas terbahit.

Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, pada Isnin mengumumkan beberapa keretapan terhadap isu bekalan serta harga ayam pada masa ini.

- Banteras kartel hingga ke akar umbi.

- Rakyat, peniaga terkesan kenaikan harga.

ISU **PANASI!**



▶ **LANJUT LIPUTAN KHAS ISU KARTEL AYAM DI H2, H3 & H4**

Banteras kartel ayam hingga akar umbi

Oleh EVA NATASHA SADALI

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan PAS, Senator Ir Ts. Khairil Nizam Khirudin mendesak Kementerian bertanggungjawab mengambil langkah intensif menyelesaikan kenaikan harga barang.

Katanya, penyelesaian secara kolektif perlu digembleng antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam memberi penyelesaian komprehensif.

"Agensi-agensi penguatkuasaan perlu lebih berani untuk memerangi semua jerung, kartel, sindiket dan dalang punca kepada masalah ini.

"Sebarang ugutan atau ancaman mesti segera dilaporkan kepada penguatkuasa keselamatan bagi membentuk perlindungan hingga masalah ini dapat diatasi," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut beliau, isu kenaikan harga barang tidak pernah selesai sehingga membebaskan rakyat bagi mendapatkan keperluan bahan makanan asas terbahit.

"Lebih-lebih lagi rantaian kesan kenaikan harga barang ketika ini meliputi keperluan bahan mentah dapur, makanan, perkhidmatan dan input kepada produk proses berasaskan keperluan harian.

"Keluhan rasa kecewa



Senator Ir Ts. Khairil Nizam Khirudin

rakyat nampaknya sedang menjadi "api dalam sekam" tatkala pihak berwajib pula asyik menyatakan penafian yang dilihat boleh menyebabkan klimak pertembungan antara rakyat dan kerajaan.

"Walaupun jauh untuk tercetus krisis seperti di Sri Lanka, namun kerajaan tidak boleh membiarkan isu ini terus berulang," ujarnya yang menyifatkan kenaikan harga barangan asas ini seperti dirancang.

Ujar beliau, pemberian segala inisiatif pakej rangsangan ekonomi, bantuan khas dan skim diberikan kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat seakan-akan tidak membantu rakyat terkesan akibat pandemik Covid-19.

Tambahnya, pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan penetapan gaji minimum RM1,500 seperti tidak meredakan kekurangan atau memberi nilai tambah.

"Sebaliknya segala pemberian itu ditanggapi untuk

dibelanjakan bagi mengkayakan pihak-pihak berkepentingan atau "rakan subahat" lain," jelasnya.

Justeru beliau berkata, kerisauan ini mesti ditentangkan dengan penjelasan sewajarnya serta dijamin dengan tindakan-tindakan yang meyakinkan.

Dalam masa yang sama, beliau bersetuju dengan tindakan kerajaan berhubung isu bekalan serta kenaikan harga ayam.

"Tindakan tegas akan diambil kepada mereka yang mengambil kesempatan terhadap harga ayam ini khususnya kepada kartel-kartel yang mengawal bekalan makanan mentah tersebut," ujarnya.

Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam mengumumkan beberapa ketetapan terhadap isu bekalan serta harga ayam pada masa ini.

Katanya, kerajaan akan

menghentikan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebelum bermula 1 Jun ini sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil.

Selain itu, kerajaan juga akan mewujudkan stok penimbun ayam dan mengoptimalkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi.

"Approved Permit (AP) ayam dimansuhkan termasuk ayam, bulat dan keratan ayam, bertujuan meningkatkan peluang penglibatan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan.

"Kerajaan juga akan mempermudah proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam serta menambah dan mengiktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam," tambahnya.



Presiden PAS, Tan Sri Tuan Guru Abdul Hadi Awang menerima kunjungan hormat Setiausaha Agung Kesatuan Ulama Muslimin Selangor, Prof. Sheikh Ali Al-Qaradaghi di Ruisia, Marang pada Sabtu lalu. Turut serta Lajnah Hal Ehwal Antarabangsa dan Hubungan Luar PAS Pusat, Mufti Kuantan Abdul Hadi.

Perlu kuasai pasaran ayam negara

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu menguasai pasaran ayam negara melalui syarikat milik kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan dan mewujudkan stok penimbun (*buffer stock*) bagi menangani keperluan ketika perayaan atau sekiranya berlaku kekurangan luar jangka, cadang Ketua Pemuda PAS, Ahmad Fadhlil Shahril.

Ahli Parlimen Pasir Mas itu berkata, kerajaan negeri perlu mengarahkan syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC) untuk memiliki pusat penyembelihan atau pemprosesan ayam.

Menurut beliau, dengan ini kerajaan negeri dapat memastikan bekalan ayam

di negeri masing-masing mencukupi.

"Bagi bekalan ayam untuk *poultry* milik kerajaan negeri, saya mencadangkan kerajaan negeri mewujudkan skim pinjaman pertanian bagi membina reban, skim latihan menternak ayam dan skim kontrak ternakan kepada golongan anak muda yang berminat.

"Ini sekali gus dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan peluang usahawan kepada anak muda yang bakal menceburi bidang penternakan," katanya ketika dihubungi *Harakah Daily*, di sini, hari ini.

Beliau berpandangan, kerajaan negeri juga perlu memiliki pusat penetasan

ayam sendiri bagi memastikan bekalan anak ayam mencukupi bagi skim kontrak ternakan yang telah diwujudkan.

Ini kerana menurutnya, apabila berlaku kekurangan anak ayam dipasaran, ia akan menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan ayam negara.

Menyedari isu kenaikan bekalan makanan asas itu serta jumlah stok semakin berkurangan salah satunya akibat kos dedak ayam meningkat, Ahmad Fadhlil menyarankan kerajaan membantu syarikat menghasilkan makanan haiwan dalam kuantiti lebih besar untuk menampung keperluan penternak ayam di negara ini.

"Bagi menghasilkan de-

dak ayam yang mencukupi dan murah, ada beberapa perkara perlu dibuat oleh Kerajaan.

"Mengambil maklum kos mewujudkan kilang makanan haiwan adalah mahal, maka saya mencadangkan Syarikat milik Kerajaan Pusat seperti Khazanah atau FELDA mengambil tanggungjawab memastikan bekalan makanan haiwan atau dedak ayam mencukupi dan murah.

"Saya tahu FELDA telah pun memiliki Feedmill. Namun Kerajaan perlu membantu FELDA untuk membekalkan kapasiti pengeluaran dan juga bantuan dari sudut kajian, penghasilan dedak ayam berkualiti dan murah.

Ayam segar naik harga, RM13 sekilo

Oleh EVA NATASHA
SADALI

BANTING: "Kalau ada orang yang datang 'serang' sebab harga ayam naik, pengusaha sunuh kami tutup sahaja kedai, buang semua ayam dalam tong sampah", kata Alana, salah seorang pembantu peniaga ayam mentah.

Demikian antara keluhan peniaga ayam di Pasar Awam Banting berikutan kenaikan harga ayam terpaksa ditanggung mereka sejak beberapa bulan lalu.

Tinjauan *Harakah* di pasar awam tersebut mendapati harga makanan asas itu meningkat sehingga RM13 bagi setiap sekilogram bagi harga runcit.

Manakala, bagi borong dijual pada harga RM12 hingga RM12.50 satu kilogram yang hanya terhad kepada lima ekor ayam sahaja.

"Last kita boleh bagi RM12 sekilogram bagi borong, itu pun kalau banyak sangat cakap, saya bagi tiga ataupun dua ekor sahaja sebab dah buang masa kat situ, orang belakang ramai yang tunggu."

"Kalau 100 atau 200 ekor memang kita tak ada jual sebab bekalan tak ada, kita pun nak jual kepada orang yang datang beli runcit."

"Kalau boleh kurangkan sikit beli, jangan beli banyak sangat," sekarang beka-



Peniaga mengeluh terpaksa menaikkan harga ayam kerana bekalan ayam terhad.

lan kurang, harga pula tinggi," katanya mentah sebab stok ayam mentah semakin berkurangan.

Alana, 38, yang ditemui mengakui terkejut dengan situasi itu kerana masalah harga ayam naik belum selesai dan kini diuji dengan jumlah bekalan ayam yang terhad untuk dijual.

"Kalau kita order 1,000 ekor, tapi cuma dapat dalam 350 ekor, kalau nak, ramai lagi yang tunggu sebab dengan hari Selasa atau Rabu ni mereka nak tutup ladang."

"Bekalan ayam pula pengusaha tak tentu ambil daripada mana, mana yang nak jual kita ambil sebab nak dapatkan bekalan susah sekarang," katanya.

Katanya, kenaikan harga ayam itu disebabkan pelbagai kos operasi yang perlu ditanggung sepenuhnya oleh pengusaha.

"Dalam keadaan macam

ni ramai yang tak puas hati, kita pun tak boleh nak buat apa sebab kita dapat dah mahal."

"Kita terpaksa tanggung kos tinggi dari segi pengangkutan, minyak dan tol, gaji budak kerja dengan tenaga kerja dah mahal, itu kita terpaksa naikan tu."

"Kalau bekalan ayam sikit, gaji kami pun kecil lah," keluhnya.

Seorang lagi peniaga ayam berbangsa Cina sekitar 60 an, yang tidak mahu mendedahkan nama, memberitahu beliau juga berdepan masalah kekurangan bekalan ayam mentah.

Beliau memaklumkan

bagi sekilogram ayam di jual dengan harga RM11, turut terhad kepada beberapa ekor ayam sahaja bagi setiap pembeli.

Sementara itu, pesara kerajaan, Mohamed Nasir, 60, menetap di Kanchong Darat terpaksa membelinya di pasar awam tersebut bertukar kawasannya kebiasaan stok ayam segar tersebut.

Beberapa pengguna yang lain turut menzahirkan rasa keluh kesah apabila peniaga menaikkan harga ayam segar kerana pengguna memerlukan dalam jumlah yang banyak untuk pertiagaan.

Cadang kerajaan wujudkan stok penimbal kawal harga

Oleh IBNU JANIE

AYER KEROH: Kerajaan disaran agar mewujudkan stok penimbal bagi mengatasi kenaikan harga, kata seorang pengusaha catering, Zainuddin Abdul Aziz, 52, dalam satu tinjauan yang dibuat *Harakah* pada Isnin.

Menurut Zainuddin lagi, dengan wujudnya stok penimbal maka pengeluaran dan pembekal tidak dapat mengawal harga kerana stok penimbal dapat digunakan bagi memintas tindakan mereka.

"Sepatutnya kerajaan daripada awal kena buat 'stockpile' (stok penimbal). Barang-barang kawalan ini kerajaan kena simpan stok. Kerajaan kena usahakan kalau betul-betul nak buatlah," ujar beliau.

Tambahnya lagi, kenaikan harga barang pada kali ini sangat membebankan peniaga makanan seperti ini kerana majoriti bahan-bahan mentah basah atau kering yang diperlukan untuk masakan naik mendadak.

"Contohnya harga rupa-rupa kari naik. Sebelum ini sekilogram harganya dulu dalam RM12 sekarang dah naik kepada RM16 ke RM20. Sama juga rupa-rupa sup dan lain-lain."

"Susu pekat pun naik. Dulu kalau jenama yang biasa saya guna di kedai saya tu satu tin RM2, sekarang sudah naik kepada RM2.50. Boleh katakan keseluruhanlah bahan naik," ujarnya.

Tambahnya lagi, kenaikan harga barangan basah pada kali ini agak pelik kerana ia berlaku bukan pada musim tengkujuh.

"Sebelum ni biasa berlaku kenaikan pada musim tengkujuh, bulan November dan bulan Disember. Musim tengkujuh memang kita peniaga dah tahu."

"Sebagai peniaga masa-masa macam itu (musim tengkujuh) kita akan simpan stok. Tapi tahun ni bukan musim tengkujuh dia naik harga," ujarnya.

Zainuddin turut melahirkan rasa kesal kerana melihat tindakan kerajaan yang dilihat perlahan dalam mengawal kenaikan harga barang yang semakin melampau.

"Sekarang kerajaan macam dah tak boleh 'control'. Barang kawalan ni cuma kita dengar dalam berita televisyen saja. Realitinya naik juga. Penguatkuasaan (KPDNHEP) lemah. Saya nampak mereka tak cukup tenaga," ujarnya.

Sementara itu, berkaitan isu harga ayam pula, seorang penjual ayam segar yang tidak mahu namanya didedahkan berkata kemungkinan besar apa yang berlaku ini berkaitan dengan subsidi yang dituntut oleh pengeluar daripada kerajaan.

Selain itu, peniaga ini juga mendedahkan bahawa memang terdapat monopoli dalam industri ayam ini yang melibatkan hanya sedikit pengeluar yang mengawal penawaran ayam.

"Yang saya tahu ada satu sahaja pengeluar ayam paling besar yang bakal ayam ke seluruh negara. Walau pun ada ladang-ladang ternakan ayam tetapi semuanya sebenarnya di bawah satu syarikat ini," ujar beliau lagi.

Harga dedak tinggi punca ayam mahal

Oleh SRIHAYANIS ABASRI

KUALA LUMPUR: Pengusaha ayam Wak Akob, Yani Hardinata Hairuddin merungkil kisah di Facebook miliknya, Wak Akob kini tersepit malah ada yang menggulung tikar kerana kos makanan ayam meningkat berganda-ganda.

Beliau berpengalaman hampir 10 tahun dalam penternakan, proses, pemisahan ayam dan akui bahawa harga ayam ada kalanya naik dan turun.

Beliau berkata, harga bahan mentah import meningkat mendadak pada tahun lalu kerana kelemahan wang ringgit, kenaikan kos penghantaran antarabangsa dan faktor bekalan.

"Jadi, harga jagung meningkat lebih 100 peratus, harga kacang soya meningkat lebih 30 peratus, harga gandum meningkat



Yani Hardinata Hairuddin



Dede Lion



Azila Ahmad

dan semua ini adalah bahan-bahan yang menjadi kandungan utama dedak lebih 80 peratus serta bahan-bahan ini juga diimport.

"Ayam daging ini, dedak-dedaknya dihasilkan dengan

tepat supaya ayam cukup nutrisi, boleh membesar dengan maksimum dan efisien dalam tempoh ditetapkan, dan yang paling penting, dedak mestilah makanan yang ayam suka makan."

"Baka-baka ayam ini kebanyakannya baka-baka import seperti COBB, ROSS, Indian River dan bukan

makan jagung manis Cameron Highland tetapi, mereka makan jagung bijirin yang tidak ditanam secara meluas di Malaysia," kata beliau.

Beliau berkata, bahan mentah telah naik harga maka, harga dedak juga meningkat daripada RM80 kepada RM120 untuk 50 kilogram dan meningkat lebih

50 peratus.

"Apabila meningkat, kos temakan juga meningkat dan macam biasa, logiknya, harga ayam juga meningkat. Namun begitu, yang berlaku sehingga 4 Disember, tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, barga kawalan makin turun daripada RM9.10, kemudian RM8.90 dan ada pula yang meletakkan harga RM8.

"Maka, penternak makin tersepit, ramai peniaga dan pekerja dalam industri ini akan juga kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan," katanya.

Tinjauan *Harakah* melalui medium di Facebook mendapati netizen amat bersepu dengan kenyataan beliau bahawa bahan mentah adalah punca kenaikan harga ayam di pasaran.

Pengguna Facebook, Dede Lion yang merupakan paker-

ja kepada majikan penternak ayam turut laju pengalaman dan pendapat yang sama terhadap kenyataan Yani itu.

"Majikan saya mempunyai banyak reban besar tetapi selalu terjadi masalah pada dedak."

"Kadang-kadang ayam perlu 'berpuasa' disebabkan tidak mendapat dedak."

"Oleh kerana terlampau susah untuk menternak ayam dan beberapa reban telah pun kosong disebabkan tidak mampu untuk menampung kos yang tinggi," ujar beliau dalam ruangan komen.

Seterusnya, Azila Ahmad berpendapat agar penternak ayam atau majikan mengurangkan keberuntungan dedak daripada barangan import.

"Cuba kita sedaya upaya yang mungkin, untuk kita hasilkan sendiri bahan mentah untuk dedak."

komenEditor

Ayam oh ayam... buat semua geram

Oleh
WAN
NORDIN
WAN
YAACOB

LAGI isu kenaikan harga ayam di pasaran. Sebelum dan selepas Hari Raya Aidilfitri semakin meningkat, malah rakyat benar-benar berang dengan keadaan ini. Bukan sekadar isu harga ayam, namun bekalan ayam pun berdepan masalah yang besar ketika ini.

Apa tidaknya, setiap kali pergi ke kedai makanan segera yang menjual ayam goreng terkenuka seperti KFC juga berdepan masalah stok ayam hingga mereka terpaksa menyatakan kepada pelanggan 'ayam goreng tiada'. Kita faham mereka bukan sengaja berbuat demikian kerana mereka adalah francis terbest dalam industri makanan segera ayam goreng, tidaklah mereka sengaja ambil risiko dengan menyatakan ayam goreng 'tiada' bekalan.

Tetapi persoalan lebih besar ke mana stok ayam pergi? Mengapa harga ayam naik mendadak? Bagaimana nasib rakyat, peniaga ayam dan pembekal? Semua ini harus diperbaiki kerana kesan akhirnya adalah kepada rakyat yang pastinya memerlukan ayam untuk makanan apatah lagi harga ikan dan daging sama meningkat.

Tinjauan di beberapa lokasi oleh team *Harakah* mendapati harga ayam di pasaran ketika ini antara RM10 ke RM13 sekilogram. Malah di beberapa kawasan pasar awam, harganya lebih mahal berbanding kedai runcit.

Harga ayam di pasar raya pula nampak sedikit stabil antara RM9 ke RM9.90 sen. Sementara harga ayam siap potong dijual mengikut bahagian dengan harga yang pelbagai tetapi semuanya melebihi RM12.

Ini julat harga ayam ketika ini. Namun persoalan lebih besar di samping harga ayam yang melambung tinggi, sejauh mana benar-benar kekurangan bekalan ayam yang dikatakan ketika ini lebih kritikal, dan sejauhmana kebenaran katanya stok ayam disorok oleh penternak atau pihak yang terlibat dengan penternakan? Kartel Ayam?

Beberapa dapatan daripada pembekal yang pernah berurusan dengan penulis sebelum ini semasa terlibat dengan industri pembekalan makanan bersama teman-teman dalam industri, pelbagai faktor menyumbang kepada kenaikan harga ayam.

Antaranya harga dedak ayam, kos penyelenggaraan, kos pengangkutan, kos mengupah buruh mahir dalam in-

dustri termasuk bermula seawal ternakan hingga proses penyembelihan, kemudian permainan harga oleh pihak yang memonopoli bekalan makanan dan ayam, persaingan pembekal, malah tidak kurang adanya isu 'kumpulan' yang memanipulasi harga serta bekalan.

Situasi harga ayam antara RM9 ke atas ini pernah berlaku tiga empat tahun lalu khususnya semasa menjelang musim perayaan. Namun tidak dinafikan ada ketika harga ayam turun hingga ke RM6.90 sen ketika itu. Namun hal demikian tidak berlaku ketika ini kerana rata-rata harga paling rendah pernah dicatatkan turun dalam jangka masa dua tahun ini hanya sekitar RM8.90 sen puratanya.

Mengambil faktor kenaikan harga makanan ayam dan kos pengangkutan, upah dan pengurusan selain penyelenggaraan reban dan kos kos sampingan, maka harga tersebut ada rasionalnya. Namun apabila ia sampai kepada lebih RM12 maka ada satu permainan harga sedang diutarakan pihak berkepentingan.

Kita memahami adanya kartel-kartel tertentu yang menguasai sesebuah industri, malah ini menjadi 'amalan' normal walaupun hanya tidak normal sepatutnya.

Semasa saya bersama dalam industri makanan, harga purata sekilo ayam bersih antara RM6 hingga ke RM7 untuk pemain industri makanan kecil-kecilan seperti kami.

Namun ada kalanya kita dapat melihat bilamana pihak yang menguasai industri ini memberi harga yang lebih murah kepada 'kelompok' peniaga dalam kalangan geng mereka kerana kosnya mereka membantu sesama mereka. Dan kesempatan itu juga sebenarnya dimanipulasi demi membunuh bisnes orang lain atau dalam erti kata lain menguatkan kelompok mereka dan memusnahkan pesaing berundur.

Pastinya hal ini sedang juga berlaku ketika ini. Isu stok ayam disorok dan dikalakan habis menjadi tanda tanya mengapa terjadi demikian. Ada yang menyatakan mungkin penguatkuasaan agak lemah ketika ini dalam membanteras monopoli dan manipulasi bekalan ayam, pun begitu ada lagi ruang yang harus dilihat agar kemelut ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Mungkin dari sudut penguatkuasaan yang lebih cekap dan telus dapat menstabilkan semula harga dan bekalan ayam, namun perancangan jangka panjang dengan mewujudkan 'food security' itu sebagai solusi terbaik agar negara tidak lagi berdepan keadaan kritikal di mana bekalan ayam tidak terputus.

Boikot: 'Keris Taming Sari' pengguna yang kini di tangan pengeluar

Oleh IBNU JANIE

BERCAKAP tentang boikot kepada sesuatu produk atau perniagaan, ia sebenarnya memang ada dalam ilmu ekonomi. Ia bukanlah sesuatu yang jahat pun.

Apabila berlaku situasi kenaikan harga yang melampau maka pengguna boleh melakukan boikot agar dapat mengurangkan permintaan terhadap sesuatu barangan. Ia menyebabkan hasil yang diperolehi pengeluar makin berkurang.

Dengan menurunkan permintaan akan menyebabkan berlaku lebih penawaran. Maksudnya peniaga mempunyai banyak stok yang tidak dapat dijual sedangkan jumlah yang ingin dibeli oleh pengguna menjadi sedikit atas faktor boikot. Jadi peniaga terpaksa menurunkan harga untuk menghabiskan stoknya yang banyak belum terjual itu.

Namun begitu, mengikut pemerhatian penulis, boikot jarang boleh berjaya di Malaysia kerana pengguna di Malaysia tidak satu hati. Sebagai contoh, kalau harga ayam naik, orang yang mampu dan seselengah yang tidak mampu tetapi tidak dapat menahan keinginan makan ayam, tetap membelinya.

Jika berlaku boikot tetapi bilangan pengguna yang melakukannya tidak besar maka ia tidak memberi kesan pada peniaga sebenarnya. Inilah yang biasa berlaku di Malaysia.

Baru-baru ini berlaku pengurangan jumlah ayam di pasaran. Banyaklah tafsiran yang keluar. Mengapa tiba-tiba ayam berkurang? Adakah ayam sedang dilanda sakit? Takkan tiba-tiba ayam berkurang?

Timbul persoalan adakah pengeluar sedang cuba mengganggu penawaran ayam untuk 'mengugut' rakyat dan kerajaan? Adakah kerana mereka tahu bahawa rakyat tidak boleh hidup tanpa ayam menyebabkan mereka memberi satu pengalaman ngeri untuk rakyat bagaimana rasanya hidup tanpa makanan itu?

Dan yang paling lucu sekali, sudahlah rakyat tidak mampu melakukan boikot untuk mengurangkan harga, sebaliknya pengilang pula yang berani melakukan 'boikot' terhadap pengguna dengan 'menyekat' bekalan ayam untuk menuntut kenaikan harganya.

Nampaknya, daripada situasi ini 'senjata' boikot yang sepatutnya menjadi 'senjata' ampuh milik pengguna telah bertukar tangan kepada pengeluar pula.

Boikot umpama 'Keris Taming Sari' yang menjadikan pemiliknya kebal dan berkuasa. Asalnya 'Keris Taming Sari' itu ada di tangan pengguna. Tetapi ia telah berpindah ke tangan pengeluar.

Sifat 'Keris Taming Sari' ini pula akan memberi kuasa kepada sesiapa yang memegangnya. Sama seperti pemilik asal keris ini iaitu pendekar Majapahit di Taming Sari yang tidak dapat ditulak langsung apabila dia sedang memegang kerisnya itu.

Tetapi apabila Hang Tuah membuat helah sehingga dia dapat merampas keris itu daripada Taming Sari maka Hang Tuah pula men-



Adakah kenaikan harga ayam oleh pengeluar sedang cuba mengganggu penawaran ayam untuk 'mengugut' rakyat dan kerajaan?

jadi kebal dan berjaya membunuh pendekar itu pula.

Jadi, akibat daripada pengguna yang tidak tahu untuk memanfaatkan 'Keris Taming Sari' yang ada di tangan mereka, sekarang pengeluar pula telah merampas keris itu dan menggunakannya untuk 'mengalahkan' pengguna dan kerajaan.

Jadi pengguna dan kerajaan harus berhati-hati dengan situasi sekarang. Mungkin situasi akan jadi terbalik. Dalam keadaan sepatutnya pengguna dan kerajaan mendesak pengeluar menurunkan harga ayam, tiba-tiba rakyat dan kerajaan pula terpaksa akur pada kenaikan harga jika masih mahu makan ayam disebabkan kejayaan 'boikot' pengeluar ini. Pelik bukan?

Namun barang harus diingat juga, boikot hanya berkesan sekiranya kenaikan harga yang dilakukan oleh pengeluar itu bukan disebabkan oleh kenaikan kos. Sebagai contoh, kenaikan kerana pengeluar mengambil kesempatan apabila berlaku peningkatan mendadak dalam permintaan atau pengurangan dalam penawaran

yang menyebabkan berlaku lebih permintaan.

Lebih permintaan yang berlaku pula mendorong peniaga untuk mengambil kesempatan menaikkan harga walau pun kos mereka tidak meningkat pun.

Sungguh pun begitu boikot oleh pengguna boleh dijadikan cuba jaya untuk mengesan sama ada kenaikan harga yang berlaku sebelum itu disebabkan oleh kenaikan kos atau kerana pengeluar sengaja menaikkan harga.

Pengeluar ayam juga sedang merungut tentang kos pengeluaran ayam yang tinggi menyebabkan mereka rugi. Mereka mengadu kos dedak ayam yang semakin meningkat menyebabkan perniagaan ini tidak lagi menguntungkan.

Sekiranya boikot dilakukan dan mereka boleh menurunkan harga bermakna ia bukan disebabkan peningkatan kos. Namun sekiranya ia benar-benar disebabkan peningkatan dalam kos maka peniaga biasanya akan berhenti berniaga jika dipaksa menurunkan harga di bawah kos sebenar mereka. Peniaga tidak akan berniaga di bawah kos.

26/5/2022

BERITA
NASIONAL
HARIAN

2

Inflasi makanan naik 4.1 peratus

IHP bagi April naik kepada 125.9, berbanding 123.1 pada bulan sama tahun lalu, dengan kenaikan melepasi purata inflasi antara Januari 2011 hingga April 2022 sebanyak 1.9 peratus



Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

Peningkatan jadi penyumbang terbesar kenaikan IHP bulan lalu

Oleh Ahmad Subael Adnan
ahmad.subael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 2.3 peratus bulan lalu, dengan peningkatan inflasi makanan menjadi penyumbang terbesar kepada keseluruhan kenaikan indeks berkenaan.

Ahmad Subael RA merujuk kepada Rasulullah SAW bersabda: "Seorang mukminin terkena debu ketika jihad, dia tidak akan pernah terkena asap neraka jahanam. Sifat kedekut dan iman tidak akan dapat berkumpul dalam hati seorang hamba mukmin." (HR Nasafi)

Ibadat & Fadilat

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:48	1:18	4:42	7:31	8:46
Alor Setar	5:49	1:18	4:42	7:30	8:45
P. Pinang	5:50	1:18	4:42	7:29	8:44
Ipoh	5:50	1:16	4:40	7:25	8:40
Kuala Lumpur	5:49	1:13	4:37	7:21	8:36
Shah Alam	5:49	1:13	4:37	7:21	8:36
Johor Bahru	5:43	1:04	4:28	7:10	8:22
Kuantan	5:44	1:07	4:31	7:15	
Seremban	5:49	1:11	4:35	7:18	
Bandar Melaka	5:48	1:11	4:35	7:17	
Kota Bharu	5:42	1:11	4:35	7:23	
K. Terengganu	5:39	1:07	4:31	7:17	
Kota Mambatu	4:49	12:16	3:40	6:27	
Kuching	5:18	12:39	4:03	6:45	

budayaan (1.3 peratus).

"Pendidikan mencatat peningkatan 1 peratus; perumahan, air elektrik, gas dan bahan api lain meningkat 0.8 peratus, manakala minuman alkohol dan tembakau serta kesihatan, masing-masing meningkat secara marginal 0.5 peratus dan 0.2 peratus.

"Komunikasi kekal tidak berubah, manakala pakaian dan kasut turun 0.2 peratus berbanding bulan sama tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas peningkatan inflasi makanan, Mohd Uzir berkata, ia disebabkan besarnya berpunca daripada kenaikan ketara komponen makanan di luar rumah, yang meningkat 4.4 peratus berbanding 4 peratus pada Mac lalu.

"Sebagai contoh, sate dan nasi berlakus mencatatkan peningkatan lebih tinggi 7.1 peratus, manakala masakan berasaskan sayur dan daging, masing-masing bertambah 6.9 peratus dan 5.7 peratus.

"Makanan di rumah yang merujuk bahan mentah untuk menyediakan makanan di rumah, meningkat 4.1 peratus berbanding setahun lalu," katanya.

Selain itu, semua subkumpulan bagi makanan dan minuman bukan alkohol mencatatkan peningkatan dengan susu, keju dan telur naik tinggi sebanyak 7.2 peratus, diikuti daging (6.2 peratus), sayur-sayuran (4.5 peratus) serta ikan dan makanan laut (3.8 peratus).

Menurutnya, peningkatan harga sayur-sayuran disebabkan cuaca tidak menentu menjejaskan kematangan hasil tani dan

penyusutan bekalan di pasaran, selain akibat peningkatan harga baja, kos logistik dan kekurangan sumber tenaga manusia di tapak pertanian.

Peningkatan harga dalam kumpulan pengangkutan pula, katanya, disebabkan peningkatan purata harga runcit RON97 kepada RM3.84 seliter, berbanding RM2.55 seliter pada bulan sama tahun lalu, selain pembelian dan penyelenggaraan pengangkutan yang meningkat lautan peratus.

Mohd Uzir Mahidin memaklumkan, semua negeri menunjukkan peningkatan inflasi, dengan dua negeri menunjukkan peningkatan melepasi paras inflasi nasional 2.3 peratus.

Katanya, peningkatan tertinggi dicatat Selangor dan Putrajaya (3.1 peratus), manakala Pahang (1.6 peratus) dan Sabah serta Labuan (1.4 peratus) adalah dua negeri yang mencatat peningkatan inflasi terendah.

Pada masa sama, semua negeri turut mencatat peningkatan inflasi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, tertinggi adalah Selangor dan Putrajaya (5.7 peratus), disusuli Pulau Pinang (4.4 peratus), Perak (4.2 peratus) dan Johor (4.2 peratus).

"Inflasi bagi kumpulan pendapatan bawah RM3,000 meningkat 2.3 peratus daripada 123.6 pada April tahun lalu kepada 126.4 pada April tahun ini.

"Peningkatan ini disumbang oleh kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol sebanyak 4.1 peratus yang meningkat pada kadar sama seperti inflasi keseluruhan," katanya.

Isu ayam dan harga barang

Patin, tilapia jadi pilihan pengguna

Pengusaha ikan sangkar terima tempahan tinggi, jualan meningkat dua kali ganda

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Jerantut: Ketiadaan bekalan ayam segar di beberapa pasar sekitar daerah ini sejak minggu lalu menyebabkan pengguna memilih untuk beralih kepada ikan patin dan tilapia sebagai sumber protein alternatif.

Senario itu jelas membawa tuah kepada pengusaha ikan patin sangkar di sekitar daerah ini dan juga Temerloh, apabila jualan masing-masing dikatakan meningkat dua kali ganda disebabkan permintaan yang bertambah.

Seorang pengusaha ikan patin dan tilapia sangkar di Kampung Rumpun Makmur di Temerloh, Mohd Nizam Tapar, 45, berkata sepanjang minggu ini permin-

taan daripada peniaga restoran dan pemborong ikan patin meningkat.

Sebelum ini, katanya dia hanya membekalkan kira-kira 100 kilogram (kg) ikan patin dan tilapia seminggu, namun sekarang ia meningkat sehingga 200kg seminggu.

"Minggu depan stok ikan patin dan tilapia di sangkar semakin kurang serta dijangka kehabisan dan ia akan diisi dengan 4,000 benih baharu," katanya yang mempunyai dua sangkar ikan patin dan dua sangkar ikan tilapia di sungai Pahang.

Tuah sama dirasai pengusaha ikan sangkar di Kampung Lada, Jerantut, Baharizal Abu Bakar, 43, yang menternak ikan patin dalam 100 sangkar apabila permintaan daripada pengusaha restoran, pemborong dan orang ramai meningkat mendadak sejak minggu lalu.

Mengenai stok ikan dimiliki, katanya ikan di kolam miliknya baru diisi Februari lalu dan kebanyakannya belum mencapai usia matang untuk dipasarkan.

"Kebanyakan ikan bersaiz 700 hingga 800 gram sahaja, namun ia terus mendapat permintaan tinggi daripada pemborong dan



Mohd Nizam menunjukkan ikan patin yang sudah ditempah pemborong sekitar Jerantut ketika ditemui di Kampung Rumpun Makmur, Temerloh, semalam.
(Foto Roselan Ab Malek/BH)

penggemar ikan sungai

"Pada masa ini, saya belum dapat menambah bekalan kepada pengguna dan restoran ikan patin di Lembah Klang kerana saiznya masih kecil," katanya mengesahkan saiz ideal untuk dipasarkan antara 1.2 hingga 1.5 kg.

Seorang pengguna, Basir Ramli, 63, mengakui lebih berminat mendapatkan ikan patin dan tilapia bagi menggantikan bekalan ayam, memandangkan sudah agak jemu memakan daging selepas sambutan Aidilfitri lalu.

Dalam pada itu, tinjauan di Pasar Besar Jerantut mendapati dua spesies ikan berkenaan men-

dapat permintaan tinggi dengan peniaga mampu mencapai jualan sehingga 100kg sehari.

Seorang peniaga berkata, ikan patin dan tilapia sangkar dijual pada harga RM18 sekilogram mendapat sambutan hangat.

"Saya jangkakan permintaan ikan tilapia dan patin meningkat sehingga minggu depan selepas kekurangan ayam di pasaran, selain ramai pelanggan mahu mengubah selera akibat jemu dengan hidangan rendang ayam dan daging.

"Harga jualan dua ikan ini juga masih berpatutan kerana masih kekal sejak Ramadan lalu," katanya.

Nelayan jangka kenaikan harga ikan tak lama

Kota Bharu: Kenaikan harga ikan sehingga 20 peratus di Kelantan disebabkan bekalan kurang kerana nelayan tidak dapat ke laut berikutan cuaca buruk sejak seminggu lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kota Bharu, Muhammad Asri Mat Yatim, 60, berkata hujan lebat berserta ribut membahayakan nyawa nelayan, sekali gus mereka tidak boleh menjalankan aktiviti menangkap ikan di laut sejak seminggu lalu.

"Bekalan kurang menyebabkan harga ikan naik, juga menjejaskan pendapatan nelayan. Namun, kenaikan harga ini hanya bersifat sementara, jika cuaca kembali baik, semua nelayan dapat ke laut dan bekalan akan kembali seperti sebelum ini," katanya yang menjadi nelayan sejak 20 tahun lalu.

Menurutnya, lebih 1,000 ahli Persatuan Nelayan Kota Bharu kini hanya bergantung kepada wang simpanan dan duit sara hidup sebanyak RM300 sebulan yang diberi oleh kerajaan untuk menampung kehidupan keluarga.

Pengguna, Muhammad Hassan Idris, 67, berkata harga ikan naik mendadak, dengan harga ikan selangkar kecil kini RM12 sekilogram berbanding RM8 sebelum ini dan kerisil naik kepada RM16 sekilogram berbanding RM10.

"Namun pengguna tidak mempunyai pilihan. Kenaikan ketara menyebabkan pengguna terbelah kerana kos hidup juga semakin meningkat. Saya harap kerajaan atau pihak berkaitanantau harga bahan mentah termasuk ikan kerana harganya kini membebankan rakyat terutama yang tiada pendapatan tetap.

"Walaupun harga ikan atau barangan mentah lain naik, rakyat tetap membeli kerana ia adalah barangan keperluan harian," kata pesara tentera ini ketika ditemui di Pasar Besar Siti Khadijah di sini, semalam.

Pengusaha kantin sekolah, Ab Manan Ahmad, 32, berkata dia sangat terkesan dengan kenaikan harga ikan, ayam segar dan barangan keperluan lain.

"Bekalan kurang menyebabkan harga, termasuk ikan tempatan dan ikan kotak (sejuk beku) naik. Kami sebagai peniaga terpaksa membeli ikan kotak bagi memenuhi keperluan pengguna, namun harganya juga meningkat.

"Modal yang perlu dikeluarkan peniaga juga naik, keuntungan diperoleh jadi sedikit dan pada masa sama perlu menanggung kos lain, termasuk gaji pekerja," katanya.

Boleh bawa masuk produk ayam Brazil jika penuhi syarat

Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) tidak mempunyai masalah untuk menerima pengimportan produk ayam dari Brazil asalkan ia mengikut pematuan halal berdasarkan standard dan protokol ditetapkan di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Hakimah Mohd Yusoff berkata, sekiranya terdapat permohonan untuk mengimport ayam dari Brazil, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan menguruskan audit pematuan ke loji di negara berkenaan dan JAKIM akan turut serta bagi memastikan pematuan halal ditetapkan itu dipatuhi.

"JAKIM tidak mengeluarkan sijil halal kepada loji dari luar negara, tetapi mewajibkan ia mempunyai pensijilan halal da-

ripada Badan Pensijilan Halal yang diiktiraf di negara pengeluar.

"Namun, pensijilan halal di negara pengeluar itu tidak bermakna mereka boleh mendapat kebenaran import produk ke Malaysia secara automatik.

"Ia hanya hanya berlaku selepas pemeriksaan dibuat dan diluluskan oleh JPV, selepas itu barulah produk berkenaan diterima masuk ke negara ini," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian menngulas kenyataan Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin bahawa usaha usahawan mendapatkan bekalan bahan mentah akan sia-sia sekiranya agensi kerajaan yang memberikan pengiktirafan dan pensijilan halal serta kese-

lamatan makanan gagal membantu usaha berkenaan.

Hakimah pada masa sama menolak dakwaan bahawa ketiadaan sijil halal daripada JAKIM membantutkan usaha kerajaan mendapatkan bekalan ayam lebih murah dari Brazil.

"Isu ini tidak berbangkit kerana urusan pemeriksaan diuruskan oleh JPV, manakala JAKIM bersedia untuk menghantar juruaudit bagi memastikan pematuan halal menepati keperluan halal di negara ini," katanya.

Sebelum ini, Ameer Ali berkata, negara boleh mendapatkan harga ayam lebih murah dari Brazil, namun disebabkan sijil halal tidak mendapat pengiktirafan JAKIM, ia membantutkan usaha untuk mendapatkan beka-

Pensijilan halal di negara pengeluar itu tidak bermakna mereka boleh mendapat kebenaran import produk ke Malaysia secara automatik

Hakimah Mohd Yusoff,
Ketua Pengarah JAKIM



lan ayam dengan harga yang murah.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera itu menjelaskan, sekiranya kelulusan diberikan, langkah jangka pendek itu mampu menangani isu kekurangan bekalan bahan mentah berkenaan di pasaran susulan pemanasan permit kebenaran (AP) import ayam dari luar negara.

Jualan Keluarga Malaysia catat RM54.54j

Putrajaya: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dilancarkan sejak 2 Disember lalu merekodkan hasil jualan mencecah RM54.54 juta.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata sejak ia dilaksanakan, PJKM terus mendapat sambutan pelbagai pihak dan sehingga kini, program berkenaan menerima 2.796 juta pengunjung.

"PJKM yang menjadi antara usaha kerajaan membantu meringankan beban serta kos sara hidup rakyat juga berjaya dilaksanakan di semua 22 kawasan Parlimen seluruh negara meliputi 1,702 lokasi iaitu tujuh lokasi bagi setiap kawasan Parlimen.

"Sepanjang pelaksanaan PJKM, pelbagai barangan keperluan harian dijual dengan harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat.

"Antara yang menjadi tumpuan adalah ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Alexander mengingatkan peniaga sentiasa beretika mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan, malah rakyat perlu bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar ini yang turut melanda dunia serta memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan global dan negara.

"Seramai 2,200 pegawai penguat kuasa dan 1,000 pegawai pemantau harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) seluruh negara akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tidak berlaku elemen pencatutan terhadap barangan keperluan harian dalam pasaran," katanya.

Isu ayam dan harga barang

Peniaga tutup kedai awal akibat ketiadaan stok

Bekalan terhad diterima hanya untuk tempahan pelanggan tetap

Oleh Mohd Amin Jalil,
Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
dan Awwatif Hasani
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Kekurangan bekalan ayam segar di pasaran memaksa peniaga menutup perniagaan lebih awal, malah ada antara premis ditutup terus berikutan ketiadaan stok.

Tinjauan di Pasar Besar Jalan Othman, di sini, semalam mendapati kebanyakan peniaga ayam sudah kehabisan stok seawal jam 8 pagi lagi, dengan bekalan terhad diterima hanya disediakan untuk memenuhi tempahan pelanggan tetap.

Seorang peniaga, Rosmi Yusop, berkata stok ayam terputus dua hari pada Ahad dan Isnin lalu menyebabkan peniaga terpaksa menutup kedai.

"Peniaga memang tak jual ayam pada Ahad dan Isnin lalu sebab tiada bekalan. Walaupun kembali pulih (stok kembali ada), tetapi yang ada jumlahnya sangat sedikit," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur mendapati hanya ayam separuh ekor dijual pada harga RM12 sekilogram, dengan pekerja yang enggan namanya didedahkan berkata ayam bulat tidak dijual kerana kekurangan stok.

"Kami memang dapat bekalan ayam daripada pembekal dengan kuantiti yang sedikit daripada biasa dan untuk berlaku adil kepada semua pelanggan, kami terpaksa menjual ayam segar separuh ekor pada harga tinggi kerana kekurangan stok ayam," katanya.



Tinjauan di Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya mendapati kebanyakan peniaga menutup perniagaan lebih awal berikutan kekurangan stok. (Foto Rohanis Shukri/BH)

Di Seremban, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Penggunaan negeri, S Veerapan, berkata kekurangan bekalan ayam segar dikenal pasti berpunca daripada permintaan terlalu tinggi terutama pada musim Aidulfitri.

Bagaimanapun beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah berkata, setakat ini bekalan ayam mencukupi bagi keperluan penduduk Negeri Sembilan dan pihaknya yakin situasi berkenaan akan kembali stabil. Beliau juga mengesahkan KPD-

NHEP negeri tidak menerima aduan daripada mana-mana pihak mengenai kenaikan harga ayam standard yang ketika ini dijual pada harga RM8.90 sekilogram.

"Di pasar awam dan pasar raya, ayam dijual pada harga kawalan ditetapkan iaitu RM8.90 sekilogram dan dakwaan ada ayam standard dijual sehingga melebihi RM10 sekilogram tidak benar," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Negeri Sembilan berkeupayaan bukan sahaja sebagai pengeluar, malah turut membekalkan ayam ke negeri lain.

"Keperluan ayam bagi rakyat Negeri Sembilan adalah 2.2 juta ekor sebulan, berbanding pengeluaran melebihi penggunaan mencecah kira-kira tiga juta," katanya.

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak berhasrat melaksanakan projek ternakan ayam berskala besar di Kampung Tengah di Beruas sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menguasai industri penterakan ayam bagi menangani isu yang melanda.



Kekurangan bekalan ayam turut berlaku di Pasar Besar Kuantan. (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

NEKMAT guna stok ikan sejuk tampung keperluan

Alor Setar: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan menggunakan stok ikan sejuk beku dalam simpanan mereka bagi menampung keperluan bekalan susulan pendaratan hasil laut yang berkurangan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata pihaknya mempunyai kira-kira 100 tan ikan sejuk beku yang sedia untuk diedarkan ke seluruh negara sekiranya diperlukan, yang mana stok itu mampu bertahan selama 10 hari.

Pada masa sama, beliau berkata pe-

ngusaha bot nelayan swasta juga mempunyai stok simpanan ikan sekitar jumlah sama yang dikeluarkan secara berperingkat mengikut permintaan semasa.

"Stok ikan sejuk beku ini adalah di bawah program Q'Fish dan kita jual pada harga RM10 sekilogram bagi ikan seperti selar, kembung dan selayang.

"Selain 100 tan dimiliki NEKMAT, ada kira-kira 100 tan lagi dalam simpanan pihak swasta yang boleh dijual mengikut permintaan pasaran sedia ada," katanya ketika dihubungi semalam.

Ahad lalu, media melaporkan pendaratan ikan terutama di utara Semenanjung Malaysia berkurangan sehingga 70 peratus iaitu daripada lebih sejuta tan kepada kira-kira 300,000 tan sebulan, berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.

Kekurangan bekalan ikan itu menyebabkan harga ikan di pasaran kini meningkat, selain orang ramai turut berhadapan kesukaran mendapat bekalan.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, pihaknya bersedia untuk menambah

stok ikan sejuk beku itu sekiranya pendaratan ikan meningkat dan harganya kembali stabil dan murah.

Katanya, selain faktor cuaca tidak menentu ketika ini, kekurangan awak-awak warga asing turut menjadi kecamaran kepada jumlah pendaratan ikan negara.

Pemilik bot kelas C2 (bot besar/bot laut dalam) terutamanya sulkar untuk mendapatkan awak-awak warga asing, selain mereka perlu mengeluarkan kos tinggi dan mengikut prosedur ketat ditetapkan kerajaan.

Stok makanan negara masih belum cukup



Analisis Semasa

Bersama
**MOHD. AZLI
ADLAN**

SEKURITI makanan adalah agenda kritikal yang perlu ditangani secara serius dengan impak kekurangan bekalan dan kenaikan mendadak harga bahan mentah makanan semakin dirasai sejak akhir-akhir ini.

Isu sekuriti makanan bukan sahaja dihadapi negara ini, malah masalah global yang dideritai kebanyakan negara khususnya pengimport bersih makanan seperti Malaysia.

Pandemik Covid-19 yang mula menular sejak akhir tahun 2019 telah mengganggu rantai bekalan barangan mentah makanan sehingga menyebabkan kenaikan kos pengangkutan.

Ia diburukkan lagi dengan peperangan antara Rusia dan Ukraine dan penyusutan nilai Ringgit sejak awal tahun ini.

Malaysia sebagai pengimport bersih makanan amat terdedah kepada sebarang kejutan global berkaitan rantai bekalan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid

mengakui masalah global terabit memberi kesan terhadap pengguna tempatan.

Beliau berkata, harga barangan keperluan telah meningkat sekurang-kurangnya 10 peratus, namun kerajaan sentiasa mencari solusi terbaik untuk mengurangkan impaknya.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah diberi tanggungjawab mengetuai Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Naccol).

"Jawatankuasa Sekuriti Makanan yang kembali diaktifkan pula diterajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan," katanya kepada Kosmo!

Menurutnya, kedua-dua kementerian berganding bahu bagi memastikan bekalan makanan tidak terputus dan harganya pula berpatutan.

Katanya, beberapa langkah segera telah diambil kerajaan seperti menghapuskan permit import (AP) makanan dan menghentikan eksport ayam bagi menjamin sekuriti makanan rakyat.

